



Hujung Minggu

پروڈنی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.43 | SUBUH 4.53 | SYURUK 6.16 | DUHA 6.40 | ZUHUR 12.13 | ASAR 3.35 | MAGHRIB 6.07 | ISYAK 7.22

Daerah Belait ditambah 3 minit  
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 147

7 DISEMBER 2024 / 1446 جادی الآخر 5

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

مانیسش ایمان  
"ORANG-orang yang beriman dan berhijrah serta  
berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan jiwa  
mereka adalah lebih tinggi darjatnya di sisi Allah".  
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At Taubah, ayat 20.

## MASJID AS-SALAAM, KAMPUNG JUNJONGAN DIRASMIKAN

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

JUNJONGAN, Jumaat, 6 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Masjid Baharu Kampung Junjongan bagi menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat yang pertama di masjid tersebut.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

>> Muka 3



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung bagi menandatangani plak dan diiringi dengan laungan takbir Allahuakbar sebanyak tiga kali yang dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama sebagai petanda perasmian pembukaan masjid baharu.

- Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas (Lihat muka 3 hingga 4).

Kukuhkan  
kerjasama  
antarabangsa  
tangani  
ancaman  
kesihatan

Siaran Akhbar :  
Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 Disember. - Keselamatan kesihatan di rantau Asia-Pasifik menjadi fokus utama Persidangan Serantau Parlimen Asia-Pasifik Mengenai Keselamatan Kesihatan Global (Regional Conference for Parliaments of the Asia-Pacific Region on Global Health Security) yang diadakan di Bangkok, Thailand, bermula 2 hingga 3 Disember 2024.

Persidangan yang dianjurkan bersama Parlimen Thailand dan Kesatuan Antara Parlimen (Inter-Parliamentary Union) dengan kerjasama Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organization) menghimpunkan seramai lebih 90 peserta daripada kalangan ahli parlimen, pakar kesihatan dan wakil organisasi antarabangsa berkumpul bagi membincangkan dan merangka langkah ke arah masa depan kesihatan yang lebih selamat dan mampan.

>> Muka 13

## Memacu inovasi, memperkasakan masa depan ICT

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

GADONG, Khamis, 5 Disember. - Negara Brunei Darussalam (NBD) sekali lagi diberi penghormatan menjadi tuan rumah bagi Anugerah Bersekutu ICT Asia Pasifik (APICTA) 2024 Kali Ke-2, iaitu 12 tahun sejak kali pertama menganjurkannya pada tahun 2012.

APICTA 2024 yang dikendalikan oleh Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dengan kerjasama Pihak

Berkusa Industri Teknologi Infokomunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) dan InfoCom Federation Brunei (IFB), kali ini menghimpunkan lebih daripada 500 delegasi dari negara-negara ahli yang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Eksekutif APICTA (EXCO), para juri, peserta pertandingan dan wakil industri dari rantau Asia Pasifik.

>> Muka 10

## Sukarelawan pemangkin kepada solusi kreatif, praktikal dalam masyarakat

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Disember. - Sukarelawan bukan sahaja bertindak sebagai penyokong masyarakat tetapi juga sebagai rakan strategik dalam usaha kerajaan untuk memastikan pembangunan negara yang inklusif. Bahkan, mereka membantu dalam

memperkuatkan hubungan sosial, memperbaiki taraf hidup komuniti, memacu perubahan positif dan seterusnya mengerakkan usaha bersama ke arah kemampunan jangka panjang.

>> Muka 11



## Berita Utama



MEMASTIKAN pengeluaran padi,  
beras negara terus berdaya maju

Muka 18



LAWATAN timba ilmu  
pengetahuan dalam kalangan  
belia

Muka 20



CMV Vasco Da Gama-Nicko  
singgah di NBD

Muka 24



RENCANA  
STEC 2024 menginspirasi generasi  
akan datang

Muka 27



**MENTERI Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha merangkap Pengerusi Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) berucap semasa melancarkan Minggu Maritim Brunei Darussalam 2024 (BDMW) pada Selasa, 19 November 2024 yang berlangsung di Banquet Hall, BRIDEX Jerudong, di sini.**

**Terjemahan Dari Teks Asal Dalam Bahasa Inggeris Oleh : Awang Haji Mirazman bin Haji Othman**

Bismillahir Rahmanir Rahim.  
Alhamdulillahi Rabbil Alameen  
Wasaalatu Wassalaamu Ala Asyrafil  
Ambiae Walmursaleen,  
Saidina Muhamadin Wa'alaa Aalihiee  
Wasahbihee Ajama'een.  
Assalamu'alaikum warahmatullahi  
wabarakatuh dan selamat pagi.

## Industri maritim terus berkembang maju demi pertumbuhan mampan masa depan

**S**ETIAP perjalanan yang hebat bermula dengan satu langkah, atau satu pelayaran pertama, dan hari ini, kita mengambil langkah pertama yang penting, sedang kita berkumpul di sini untuk Minggu Maritim Negara Brunei Darussalam 2024 (BDMW 2024) dianjurkan oleh Pihak Berkusa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD).

Acara yang julung kali diadakan diterajui oleh MPABD dan disokong oleh industri maritim tempatan dan pihak berkepentingan adalah bukti kepada kami komitmen negara untuk mewujudkan industri maritim yang berkembang maju iaitu selamat, berdaya tahan, berfikiran ke hadapan, dan mampan.

Tema BDMW 2024, 'Technological Innovations and Sustainable Maritime Development' menarik semangat dan pastinya melengkapi tema Hari Maritim Sedunia pada tahun ini, 'Navigating the Future: Safety First'. Tema-tema ini mencerminkan kepercayaan kita bersama bahawa keselamatan adalah sentiasa menjadi, keutamaan. Ia adalah asas kemajuan, pemikiran yang inovatif dan inovasi yang mesti dimanfaatkan untuk menyokong pertumbuhan mampan masa depan maritim kita.

Melalui BDMW 2024, kami berhasrat untuk membawa ke hadapan dalam industri, orang ramai, pelaut dan mereka yang bekerja dalam industri ini dan mengiktiraf mereka atas sifat dan harga diri mereka yang tidak ternilai dan menonjolkan kepentingan dan keperluan Standard profesionalisme dan integriti yang tertinggi dalam kerja mereka.

Pada masa yang sama, kami juga ingin menunjukkan kemajuan dan perkembangan teknologi terkini dalam industri, menyokong pembinaan kapasiti dan memupuk kerjasama dan perkongsian.

Kita telah menyaksikan peningkatan yang stabil dalam bilangan kemasukan dan trafik kapal keluar masuk ke Brunei, di mana tahun lalu, kita telah menyaksikan jumlah trafik kapal tertinggi setakat ini, berbanding dengan lima tahun yang lalu. Ini juga menunjukkan bahawa sektor industri pengangkutan terutamanya perkапalan, adalah salah satu penerima faedah dalam pembangunan industri hiliran dan berorientasikan aktiviti produksi eksport pengeluaran.

Selain itu, dengan Projek Pengembangan dan Pengubahsuaian Pelabuhan Muara yang sedang berjalan yang diterajui oleh Syarikat Pelabuhan Muara (MPC), yang dijangka siap pada 2027, serta pembangunan kawasan penyelenggaraan dan penyahtaualihan marin (MMDY), Dibangunkan oleh Anson International, yang disasarkan untuk beroperasi pada akhir 2025, semua akan menyumbang kepada senario pertumbuhan industri maritim tempatan.

Oleh itu, adalah penting bahawa keupayaan maritim dan sokongan ekosistem juga mesti sepadan dengan perkembangan ini. Kita perlu menjadi ejen untuk perubahan dan pihak berkusa perlu menjadi pemudah cara dan memboleh untuk pertumbuhan.

Dari segi keselamatan, sukacita saya maklumkan bahawa Marin dan Pelabuhan

Pihak Berkusa Negara Brunei Darussalam (MPABD) baru-baru ini telah menubuhkan Pusat Tindak Balas Kecemasan Maritim (MERC). Ini merupakan satu langkah penting dalam mempertingkatkan keupayaan kita untuk operasi maritim yang selamat dan cekap. MERC akan memainkan peranan penting dalam menjaga keselamatan air Brunei, dilengkapi dengan teknologi bekalan air yang lebih maju, kakitangan terlatih, dan Rangka Kerja Kerjasama di kalangan pihak berkepentingan untuk memastikan kita bersedia untuk sebarang Kecemasan di laut.

Sejak dengan keperluan untuk meningkatkan operasi pelabuhan dan maritim dan memanfaatkan penggunaan teknologi, MPABD juga telah memulakan Maritime Single Window Project. Objektif projek adalah untuk menyediakan pelbagai sistem yang ada sekarang, memudahkan proses dan menyelaraskan operasi pelabuhan melalui digital bersepadu dengan melaksanakan sistem ini, kami menjalankan peningkatan pengurusan kargo yang lebih baik serta meningkatkan kecekapan keseluruhan, kemampuan dan daya saing sektor maritim kita. Dengan berbuat demikian juga akan membawa negara Brunei Darussalam seiring dengan piawaiyan maritim antarabangsa seperti yang digariskan dalam Konvensyen mengenai kemudahan Trafik Maritim Antarabangsa (FAL) atau lebih dikenali sebagai FAL Konvensyen.


>> Muka 10

## WAKTU SEMBAHYANG

DISEMBER MASIHT	HARI	JAMADILAKHIR HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
7	SABTU	5	4.43	4.53	6.16	6.40	12.13	3.35	6.07	7.22
8	AHAD	6	4.44	4.54	6.17	6.41	12.13	3.35	6.08	7.22
9	ISNIN	7	4.44	4.54	6.17	6.41	12.14	3.35	6.08	7.23
10	SELASA	8	4.44	4.54	6.18	6.42	12.14	3.36	6.08	7.23
11	RABU	9	4.45	4.55	6.18	6.42	12.15	3.36	6.09	7.23
12	KHAMIS	10	4.45	4.55	6.19	6.43	12.15	3.37	6.09	7.24
13	JUMAAT	11	4.46	4.56	6.19	6.43	12.15	3.37	6.10	7.24

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI



## SIDANG PENGARANG

7 DISEMBER 2024

## Pastikan hak OKU dihormati, dilaksanakan

**S**AMBUTAN Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya (OKU) memperingatkan kita tentang nilai dan sumbangan besar golongan OKU dalam masyarakat serta pembangunan negara. Sambutan ini bukan sahaja untuk meraikan kebolehan OKU tetapi juga seruan untuk bertindak dan terus berusaha ke arah dunia yang benar-benar inklusif dan saksama tanpa tiada siapa yang ketinggalan.

Setiap individu mempunyai peranan penting dalam memperjuangkan hak OKU. Ini termasuk menyokong persekitaran yang mesra dan boleh diakses oleh OKU, mendidik diri sendiri serta orang lain mengenai isu-isu yang dihadapi mereka, dan menyokong dasar-dasar yang menjamin kesaksamaan hak. Setiap tindakan, sekecil mana pun, memberi impak yang besar dalam memastikan hak OKU dihormati dan dilaksanakan.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad menyatakan perkara tersebut menerusi perutusan sempena Sambutan Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya (HAOKU) 2024.

Tarikh 3 Disember tahun ini jelas Yang Berhormat menandakan Sambutan Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya (International Day of Persons with Disabilities) 2024 yang disambut oleh negara-negara ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu termasuk Negara Brunei Darussalam. Tema sambutan untuk kali ke-31 ini ialah 'Memperkasa Kepimpinan Orang Kelainan Upaya untuk Masa Depan yang Inklusif dan Mampan'.

Tema ini menekankan kepentingan penyertaan berterusan OKU di semua peringkat, serta perlunya kerjasama untuk mewujudkan persekitaran yang inklusif untuk memberikan peluang yang sama kepada OKU dalam pendidikan, pekerjaan, dan masyarakat. Selain menyeru masyarakat untuk menyokong kepimpinan OKU dalam memperjuangkan hak mereka demi pembangunan yang lebih lestari dan adil, tema ini juga selaras dengan salah satu daripada empat bidang utama Pelan Tindakan OKU di bawah Jawatankuasa Khas Isu OKU, iaitu Penglibatan OKU dan Masyarakat (Advokasi).

Menurut Yang Berhormat lagi, penjagaan dan kesejahteraan OKU terus diutamakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Setakat ini, seramai 1,654 orang telah menerima Elaun Penyedia Penjagaan (EPP), iaitu elauan khas yang dihulurkan kepada penjaga OKU mengikut kriteria-kriteria yang telah ditetapkan. Penjagaan ini bukan sahaja diharasratkan dapat menampung keperluan khas OKU, malah ianya merupakan satu pengiktirafan terhadap kepentingan keselamatan sosial OKU di negara ini.

Marilah kita sama-sama mengukuhkan semangat agar sama-sama berganding bahu membantu memperkasa dan meningkatkan kualiti hidup golongan OKU bagi menyumbang kepada pembangunan masyarakat. – Ketua Penyuntingan (Ad)

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جاتن قراغن، جاتن فردان منتری دان چیتقو اوله قرینت قلس سندیرین بحد، نکارابونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Masjid As-Salaam, Kampung Junjongan dirasmikan



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Masjid Baharu Kampung Junjongan bagi menuaike Sembahyang Fardu Jumaat yang pertama di masjid tersebut. Berangkat sama ialah paduka anakanda baginda (atas dan kanan).

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas



## >> Muka 1

Berangkat sama ialah paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Kebawah Duli Yang Maha

Mulia kemudiannya dijunjung oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama bagi menandatangani plak dan diiringi dengan laungan takbir Allahuakbar sebanyak tiga kali yang dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama sebagai petanda perasmian pembukaan masjid baharu tersebut dan dikenali sebagai Masjid As-Salaam, Kampung Junjongan.

Khutbah Jumaat disampaikan oleh Pemangku Pengarah Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali yang antara lain menjelaskan pembinaan masjid perlulah disertai dengan pengimaranannya iaitu aktiviti-aktiviti dan kegiatan bermanfaat yang direhdai Allah Subhanahu Wata'ala.

Beliau seterusnya menambah, antara usaha bagi memakmurkan dan menghidupkan masjid itu adalah dengan menjaga sembahyang berjemaah di dalamnya dan menjadikan masjid sebagai pusat penyampaian dakwah.



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa mendengar Khutbah Jumaat.

## >> Muka 4



**SEKITAR** Masjid As-Salaam, Kampung Junjongan (atas), manakala gambar kanan, Khutbah Jumaat disampaikan oleh Pemangku Pengarah Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat diimamkan oleh Pegawai Masjid, Masjid As-Salaam, Kampung Junjongan, Awang Haji Hayrul bin Haji Hakim dan seterusnya menadah tangan semasa doa dibacakan (atas dan bawah kiri).

### >> Muka 3

Sementara, Sembahyang Fardu Jumaat diimamkan oleh Pegawai Masjid, Masjid As-Salaam, Kampung Junjongan, Awang Haji Hayrul bin Haji Hakim.

Masjid As-Salaam, Kampung

Junjongan dibina di atas sebidang tanah berkeluasan lebih kurang tiga ekar dan pembinaan masjid baharu ini dimulakan dengan mendirikan tiangnya pada 18 Jun 2022.

Masjid tersebut merupakan masjid ketiga menggunakan

peruntukan perbelanjaan dari Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam dengan jumlah BND5.2 juta.

Masjid As-Salaam, Kampung Junjongan mempunyai kapasiti untuk menampung lebih kurang

1,600 orang jemaah.

Pelbagai kemudahan disediakan untuk memastikan keselesaan semua pengunjung seperti tandas dan tempat berwuduk termasuk tandas dan tempat berwuduk untuk Orang Kelainan Upaya (OKU).

Selain itu, masjid ini dilengkapi dengan bilik serbaguna, bilik pengurusan jenazah dan tempat letak kereta termasuk tempat letak kereta khusus untuk OKU.

Dengan pembukaan Masjid

As-Salaam, Kampung Junjongan ini dapat memberi keselesaan kepada penduduk kampung dan jemaah yang menunaikan sembahyang fardu lima waktu dan Sembahyang Fardu Jumaat.

lanya juga dihasrat untuk digunakan oleh para penduduk untuk melakukan kegiatan serta aktiviti keagamaan bagi meningkatkan dan mengembangkan syiar Islam di kampung tersebut dan di negara ini amnya.



KEBAWAH DYMM dijunjung bergambar ramai dan berziarah bersama rakyat baginda (atas kanan dan kanan). Sementara gambar atas, plak sebagai petanda perasmian pembukaan masjid baharu tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Maha Vajiralongkorn Phra Vajiraklaochaoyuhua, Raja Thailand, kesemua ahli kerabat diraja dan Perdana Menteri Thailand, Puan Yang Terutama Paetongtarn Shinawatra serta kerajaan dan rakyat Thailand bersempena dengan Hari Kebangsaan Negara tersebut.


KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Maha Vajiralongkorn Phra Vajiraklaochaoyuhua, Raja Thailand, kesemua ahli kerabat diraja dan Perdana Menteri Thailand, Puan Yang Terutama Paetongtarn Shinawatra.

# PERUTUSAN TAHNIAH SEMPENA HARI KEBANGSAAN THAILAND



## Kebawah DYMM berkenan menerima mengadap

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad  
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Azmah Haji Ahad



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Maeda Toru yang akan menamatkan perkhidmatan di negara ini (kiri dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum

Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak

Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Maeda Toru yang akan menamatkan perkhidmatan di negara ini. Majlis Mengadap tersebut telah

berlangsung di Istana Nurul Iman, hari ini.

Tuan Yang Terutama Maeda Toru telah menyembahkan Surat Tauliah Pelantikan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 24 Mei 2022 lalu.



## PENTING

### SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

**BARU**

#### IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja




#### DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education and lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tanda gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

**!** Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.

**✓** Memahami bahawa maklumat **profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur** semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak menepati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya **permohonan tidak akan diproses**.



# BERANGKAT KE MAJLIS PERASMIAN, SAMBUTAN GALA ANUGERAH APICTA 2024



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat ke Majlis Perasmian dan Sambutan Gala Anugerah Bersekutu ICT Asia Pasifik (APICTA) 2024 yang diadakan di Indera Samudra Grand Hall, The Empire Brunei (kiri dan kanan).

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor/ Morshidi,  
Muhammad Asri Haji Awang Abas

**JERUDONG**, Rabu, 4 Disember. - Majlis Perasmian dan Sambutan Gala Anugerah Bersekutu ICT Asia Pasifik (APICTA) 2024 diadakan malam tadi di Indera Samudra Grand Hall, The Empire Brunei.

Berkenan berangkat merasmikan majlis berkenaan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha; Pengerusi APICTA, Fulvio Inserra; Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof selaku Pengerusi Bersama I Jawatankuasa Kerja Anugerah APICTA 2024; Pengerusi, InfoCom Federation Brunei (IFB), Pengiran Sarimah binti Pengiran Haji Abdul Latiff selaku Pengerusi Bersama II Jawatankuasa Kerja Anugerah APICTA 2024; dan

Ketua Eksekutif, Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI), Awang Haji Jailani bin Haji Buntar.

Majlis Perasmian dan Sambutan Gala dimulakan dengan sembah alu-aluan daripada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, diikuti dengan sembah ucapan oleh Pengerusi APICTA.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya berkenan merasmikan pelancaran Anugerah APICTA 2024, menandakan permulaan acara berprestij berkenaan serta mencerminkan semangat persahabatan dan harapan

yang menonjolkan bermulanya perjalanan menuju ke arah pengiktirafan kecemerlangan dan kejayaan dalam dunia digital.

Majlis berkenaan bukan sahaja merupakan satu perhimpunan dinamik yang menjadi titik permulaan bagi acara-acara sepanjang minggu, bahkan ia juga menjadi platform untuk mengalu-alukan kedatangan para delegasi, peserta, penaja, dan tetamu, serta menyediakan peluang untuk menjalin jaringan dan meraikan inovasi dalam ICT.

Seurus Majlis Pelancaran berkenaan, DYTM berkenan menerima pesambahan daripada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Majlis kemudian diisikan dengan tayangan video Anugerah APICTA 2024 yang memaparkan pelbagai kategori pertandingan

dan gambaran aktiviti yang berlangsung sepanjang minggu APICTA 2024 diadakan.

Atur cara Sambutan Gala juga turut diserikan dengan pelbagai persembahan kebudayaan dan hiburan oleh penyanyi dan penari tempatan.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, DYTM dijunjung untuk beramah mesra dengan para delegasi, sekali gus membangkitkan lagi semangat kerjasama dan penghargaan bersama dalam kalangan ahli-ahli ekonomi APICTA.

Anugerah APICTA diadakan setiap tahun sebagai platform pertandingan rantau Asia Pasifik bagi produk dan penyelesaian digital inovatif, mengiktiraf daya



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah semasa bersabda dan seterusnya berkenan menerima pesambahan daripada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi (kiri dan atas).



SEKITAR majlis berkenaan (atas dan kanan). Manakala gambar kanan sekali, antara persembahan pada majlis tersebut.



saining dan potensinya di peringkat Asia Pasifik.

Pada tahun ini, Negara Brunei Darussalam (NBD) mendapat keistimewaan untuk menjadi tuan rumah bagi Anugerah APICTA 2024, yang merupakan satu lagi titik pencapaian, bertepatan dengan Ulang Tahun Ke-20 penganjuran Anugerah ICT Brunei (BICTA).

Ini merupakan kali kedua NBD menjadi tuan rumah bagi Anugerah APICTA sejak 2012, dan negara menyambut peluang untuk menghimpunkan lebih daripada 500 delegasi dari negara-negara ahli. Ini terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Eksekutif APICTA (EXCO), para juri, peserta pertandingan, dan wakil industri dari rantau Asia Pasifik.

Anugerah APICTA 2024 dikendalikan oleh MTIC dengan kerjasama AITI dan IFB.

APICTA terdiri daripada ahli-ahli ekonomi, termasuk Australia, Bangladesh, NBD, Republik Rakyat China, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Macao, Malaysia, Myanmar, Nepal, Pakistan, Singapura, Sri Lanka, Thailand dan Viet Nam.

Anugerah APICTA 2024 mempertandingkan sebanyak 35 kategori, termasuk sub-kategori bagi Pengguna; Perkhidmatan Masyarakat dan Keikutsertaan; Perindustrian; Perkhidmatan Perniagaan; Sektor Awam dan Kerajaan; Penuntut; Kategori Silang dan Anugerah Teknologi.

>> Muka 7



DULI Yang Teramat Mulia dijunjung bagi sesi bergambar ramai.

#### >> Muka 6

Di samping itu, Anugerah Pilihan Ramai juga turut dipertandingkan bagi Kategori Penuntut Senior dan Kategori Projek Penuntut Pengajian Tinggi, dengan peserta yang memperoleh undian yang

tertinggi daripada orang ramai akan layak memenangi anugerah berkenaan.

Untuk maklumat lanjut dan

terkini mengenai Anugerah APICTA 2024, ikuti Instagram @apicta.awards atau layari [www.apicta2024.bn](http://www.apicta2024.bn).

DYTM berkenan beramah mesra pada majlis berkenaan (kanan dan kanan sekali).



## MEWUJUDKAN PLATFORM PERTUKARAN IDEA, PERKONGSIAN PENGETAHUAN, KEMAJUAN TEKNOLOGI

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor/ Morshidi,  
Muhammad Asri Haji Awang Abas

**JERUDONG**, Rabu, 4 Disember. – Pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah menyumbang dengan ketara ke arah pertumbuhan ekonomi dan daya saing ekonomi Asia Pasifik. Pada masa yang sama, menurut Capital Finance International, rantau Asia Pasifik merupakan pemacu utama dalam inovasi global.

Terdiri daripada gabungan kuasa teknologi yang mapan dan ekonomi yang berkembang pesat, rantau berkenna membentuk landskap permulaan global dengan gabungan citacita, sokongan kerajaan, dan bandar-bandar besar yang berkembang maju, Asia Pasifik juga merupakan hab bagi inovasi di luar pusat tradisional, dengan ekosistem permulaan yang unik mendorong sempadan keusahawanan.



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa sembah alu-aluannya.

Perkara berkenaan digariskan dalam sembah alu-aluan yang disampaikan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha pada Majlis Perasmian dan Sambutan Gala Anugerah Bersekutu ICT Asia Pasifik (APICTA) 2024 yang berlangsung malam tadi di Indera Samudra Grand Hall, The Empire Brunei.

"Atas sebab ini, kami amat berbangga menjadi sebahagian daripada komuniti ICT di rantau ini, yang bersatu dalam semangat kerjasama, membentuk rangkaian koperatif untuk mempromosi inovasi teknologi dan menggalakkan pembangunan penyelesaian ICT tempatan untuk pasaran global melalui program anugerah tahunan," sembah Yang Berhormat.

Melalui sembah Yang Berhormat lagi, ia menyatakan minda-minda yang cemerlang, idea-idea yang paling inovatif, dan rangkaian yang kukuh untuk memamerkan kemajuan luar biasa yang sedang memacu transformasi digital.

"Di Negara Brunei Darussalam (NBD), kami yakin bahawa teknologi adalah pemungkin yang kuat untuk kemajuan."

"Negara kami telah lama komited untuk memupuk budaya inovasi, memperkasa bakat muda kami, dan mempromosi pembangunan ekosistem digital yang kukuh."

"Kami mengakui bahawa ekonomi digital bukan sahaja tentang kemajuan teknologi tetapi juga mencipta peluang untuk pertumbuhan, pendidikan, dan kelestarian merentasi semua sektor masyarakat," sembah Yang Berhormat.

Yang Berhormat dalam sembah alu-aluannya juga menjelaskan, Anugerah APICTA menyediakan platform yang luar biasa untuk mengiktiraf dan meraikan pencapaian cemerlang dalam sektor ICT.

Sembah Yang Berhormat lagi, ia menonjolkan kreativiti, daya tahan, serta dedikasi individu dan organisasi yang mendorong apa jua sempadan yang mungkin dicapai, selain anugerah berkenaan bukan sahaja menghargai kecemerlangan tetapi juga memberi inspirasi kepada orang lain untuk meneruskan perjalanan inovasi dan kecemerlangan mereka dalam ICT.

"Malam ini, kita berkumpul untuk meraikan pencapaian kolektif semua yang telah menyumbang kepada bidang dinamik ini. Hamba Duli Tuanku gembira mendengar bahawa kami telah menerima jumlah penyertaan tertinggi dalam sejarah APICTA dengan 280 penyertaan dari 15 ekonomi anggota APICTA."

"Calon-calon yang hadir mewakili antara yang terbaik dalam inovasi dan kreativiti, justeru hamba Duli Tuanku ingin mengucapkan tahniah atas usaha dan dedikasi mereka yang dapat memberikan sumber inspirasi bagi generasi pemimpin, pemikir, dan pencipta ICT yang akan datang," sembah Yang

Berhormat.

Yang Berhormat tidak ragu bahawa karya-karya tersebut akan terus memberi inspirasi kepada generasi profesional ICT pada masa hadapan.

Seperti yang sedia maklum sembah Yang Berhormat lagi, teknologi hari ini berkembang dengan pantas, dan membolehkan perubahan dan kemajuan berlaku dengan lebih cepat, menyebabkan kadar perubahan semakin meningkat, justeru kita perlu kekal dengan teknologi yang sedang muncul dan trend teknologi terkini terutamanya bagi para profesional IT.

Dalam kemajuan Anugerah APICTA ke dalam era digital yang sentiasa berkembang ini, Yang Berhormat mengakui bahawa kerjasama adalah kunci kejayaan.

Sembah Yang Berhormat lagi, masa depan ICT bukan hanya tentang pencapaian individu, bahkan teknologi juga bukan hanya tentang produk dan penyelesaian, ia tentang orang, perkongsian, dan kemungkinan.

Yang Berhormat seterusnya menyembahkan ia adalah mengenai kerjasama untuk membina masa depan yang mampan, inklusif, dan saling terhubung untuk semua. Inilah inti pati yang diwakili oleh Anugerah APICTA, iaitu mewujudkan platform untuk pertukaran idea, perkongsian pengetahuan, dan kemajuan teknologi untuk kebaikan bersama masyarakat.

Dalam sembah Yang Berhormat juga turut mengalukan kehadiran para tetamu dari luar negara dan tidak

melepaskan peluang mereka untuk menikmati pemandangan dan merasakan pengalaman serta daya tarikan unik sepanjang peginapan mereka di negara ini.

"Hamba Duli Tuanku juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan yang tulus kepada Jawatankuasa Kerja Anugerah APICTA 2024, rakan-rakan kongsi yang kami hormati, serta para penaja kami kerana menjayakan acara ini dan dapat menunjukkan yang terbaik dari NBD kepada para tetamu kami."

"Sokongan yang tidak berbelah bahagi dari semua pihak bukan sahaja memastikan kejayaan berterusan anugerah ini tetapi juga menyumbang kepada peningkatan keupayaan kolektif di rantau ini dalam ekonomi digital global," sembah Yang Berhormat.

Terdahulu, Yang Berhormat menyembahkan sembah junjung kasih di atas keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri ke majlis berkenaan menjadi saksi kepada minat dan advokasi yang mendalam terhadap bukan sahaja bidang inovasi teknologi dan pembangunan ICT, tetapi juga terhadap pembangunan manusia, semangat persahabatan dan kerjasama, dan ini adalah nilai-nilai yang dipegang teguh oleh APICTA, sebagai sebuah persatuan komuniti ICT.

# DPMM FC TERUSKAN PRESTASI CEMERLANG



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat menyaksikan perlawanan Liga Super Brunei (BSL) 2024. Turut berangkat sama ialah anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

**GADONG**, Rabu, 4 Disember. — DPMM FC berhasil mengalahkan Majlis Sukan Pasukan Polis Diraja Brunei (MS PPDB) dengan 2 jaringan gol tanpa balas pada perlawanan Liga Super Brunei (BSL) 2024, petang tadi.

Berangkat menyaksikan perlawanan berkenaan ialah Duli

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, dan Yang Teramat Mulia



Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Berangkat sama, anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah iaitu Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman.

Turut berangkat menyertai DPMM FC ialah anakanda Duli Yang Teramat Mulia, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim selaku Ketua Pasukan DPMM FC.

Perlawanan yang diadakan di Stadium Mini Hassanal Bolkiah itu, DPMM FC meneruskan prestasi yang cemerlang dengan rekod 7 perlawanan tanpa kalah.

Pada babak pertama, seawal minit ke-16 MS PPDB membuat pertukaran pemain, mengeluarkan Muhammad Nazirul Arsat digantikan oleh George Alvin Anak Degat.

Selang beberapa minit kemudian, penyerang pasukan MS PPDB, Abdul Azim Abdul Rasid telah membuat percubaan menembusi gawang DPMM FC namun tersasar keluar.

Pada separuh masa kedua, minit ke-62, Marcelo Junior De Souza Laoila, pemain pertahanan DPMM FC menjaringkan gol pembukaan hasil daripada tandukan sudut walaupun sebelumnya telah diberikan kad kuning pada minit ke-50.

Pasukan MS PPDB mencuba nasib dengan membuat sebanyak tiga pertukaran pemain sekali gus mengeluarkan Abdul Azim Abdul Rasid, Norfaez Awang

**SEBAHAGIAN** yang hadir pada perlawanan tersebut yang diadakan di Stadium Mini Hassanal Bolkiah.

Oleh: Muhamad Khairul Hisyam Jaya  
Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas



BERANGKAT menyertai DPMM FC ialah anakanda Duli Yang Teramat Mulia, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim selaku Ketua Pasukan DPMM FC (atas). Manakala gambar bawah, aksi para pemain pada perlawanan berkenaan.



Sayang dan Mohammad Asri Abdul Hakim dengan memasukkan Muhammad Fakhrol Tamimi Haji Sahari, Muhammad Farish Aryan Abdul Rahman dan Abdul Muiz Awang Shahrizan.

Gol kedua pasukan DPMM FC dijaringkan oleh penyerang

utama, Sergio Mendiguchia Iglesias, apabila berhasil menggelecek bola melepas penjaga gawang MS PPDB pada minit ke-85.

Dengan kemenangan ini, DPMM FC berjaya menaiki tangga pertama dalam kedudukan liga dengan 24 mata.

## Kem Pejuang Kanser : Peluang untuk berkongsi pengalaman

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

hubungan dan persahabatan baharu.

Pihak YASKA katanya, melahirkan penghargaan terima kasih atas kehadiran Yang Berhormat Menteri Kesihatan serta para pejuang kanser serta pihak-pihak terlibat yang lain.

Adapun program berkenaan diadakan adalah bertujuan untuk memberi keseronokan kepada kanak-kanak yang menghadapi kanser dengan membawa mereka ke kem dan aktiviti riadah yang dianjurkan, di samping menyediakan aktiviti menarik serta memberi peluang untuk mencari

kawan baru dan juga untuk menghilangkan tekanan.

Perkhemahan tahun ini sekali lagi dihadkan kepada mereka yang berumur 10 tahun ke atas sahaja.

Dengan adanya program berkenaan, ia membawa kanak-kanak dan rakan mereka bersama-sama dengan mencipta pengalaman yang menyeronokkan dan detik yang tidak dapat dilupakan untuk semua.

Selain itu, mereka dapat bertemu dan meluangkan masa dengan rakan-rakan lain yang berkongsi pengalaman yang sama.



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 6 Disember. — Lima buah negara iaitu Sarawak, Malaysia;



Republik Singapura; Republik Filipina; Republik Indonesia dan Mongolia menyertai Kem Pejuang Kanser 2024 (Cancer Survivor Camp 2024) kali Ke-11 bertempat di Dewan Persatuan Fu Zhou Shiyi, di sini.

Para peserta kem kali ini antaranya seramai 47 pejuang kanser termasuk dari Republik

**PRESIDEN** Yayasan Kanser Kanak-kanak (YASKA), Dayang Tsara' Nawwarah binti Abdullah Chen semasa berucap. Sementara, gambar kanan, antara peserta yang menyertai kem berkenaan.

YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada Kem Pejuang Kanser 2024 (Cancer Survivor Camp 2024) kali Ke-11.

Singapura, tujuh pengiring, 21 sukarelawan dan 20 Ahli Jawatankuasa Kem berkenaan yang dijalankan selama tiga hari dan akan berakhir Ahad ini nanti.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Presiden Yayasan Kanser Kanak-kanak (YASKA), Dayang Tsara' Nawwarah binti Abdullah Chen dalam ucapan alu-aluannya menyatakan bahawa kem berkenaan telah dimulakan pada 2013 bagi menyediakan tempat untuk para pejuang berkenaan dapat memberikan semangat dan harapan antara satu sama yang lain.

Para pejuang berkenaan katanya, telah menghadapi pelbagai cabaran yang tidak dapat kita bayangkan akan tetapi mereka di sini mampu berjuang dengan lebih berani dan kuat.

Menurut Presiden YASKA lagi, pihaknya telah menyediakan beberapa aktiviti dengan memfokuskan kreativiti, penyelesaian masalah kepada pembinaan pasukan yang bertujuan untuk memupuk

# THE AIRPORT ECONOMIST TONJOLKAN USAHA KEPELBAGAIAN EKONOMI NBD



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II ketika ditemu bual bagi program perniagaan televisyen Australia.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 6 Disember. - Program perniagaan televisyen Australia 'The Airport Economist' telah menyiaran episod yang tertumpu kepada usaha Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk mempelbagaikan ekonominya pada platform penstriman Ticker pada 4 Disember 2024 lalu.

Episod bertajuk 'The Great Transformation of Brunei', menyaksikan tuan rumah, iaitu Ketua Pakar Ekonomi dan Profesor Industri di University of Technology Sydney, Tim Harcourt, meneroka kepelbagaian perjalanan negara dan peranan pelaburan asing dalam mencapai matlamatnya untuk mewujudkan

ekonomi yang dinamik dan mampan di bawah Wawasan Brunei 2035.

Ketika temu bual bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, selaku Pengurusi Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB), memperkenalkan agenda kepelbagaian melalui pelan tindakan ekonomi dan lima sektor keutamaannya, iaitu minyak dan gas hilir, makanan, perkhidmatan, pelancongan, dan ICT.

Temu bual dengan syarikat-syarikat terkemuka dalam

sektor berkenaan, iaitu Hengyi Industries, Brunei Fertilizer Industries (BFI), Royal Brunei Airlines (RB), dan Royal Brunei Catering (RBC) memudahkan penonton melihat dengan lebih dekat rancangan kepelbagaian dalam tindakan melalui operasi mereka.

Sebagai agensi tumpuan NBD untuk pelaburan asing dan domestik, LKEB berperanan sebagai rakan kongsi pengetahuan episod berkenaan, memberikan pandangan tentang persekitaran perniagaan dan kawal selia negara, serta sokongan berdedikasi dan pengurusan perhubungan yang ditawarkan di bawah perkhidmatan Investors' Concierge mereka.

Pesuruhjaya Tinggi Australia ke NBD, Tuan Yang Terutama Luke Lazarus Arnold, yang merupakan rakan kongsi sokongan untuk episod berkenaan berkata program berkenaan menonjolkan pandangan yang berharga tentang konteks ekonomi NBD dan pelbagai peluang yang ada untuk pelabur asing.

Berpangkalan di Australia, platform Ticker's mempunyai pengaruh yang kuat dengan penonton tempatannya. Selain itu, melalui pengedaran antarabangsa, Harcourt berkata Ticker secara kolektif mencecah lebih 380 juta penonton dengan 3.85 juta tontonan linear bulanan, memberikan pendedahan penting untuk NBD kepada peringkat global.

Pelancaran episod berkenaan

tepat pada masanya, memandangkan pengukuhan hubungan dua hala NBD dan Australia yang lebih luas kepada Perkongsian Komprehensif tahun lepas, serta Australia melancarkan Southeast Asia Economic Strategy to 2040, yang merangkumi dana AUD2 bilion untuk pelaburan Australia ke dalam ASEAN.

"Kami telah menubuhkan 'pasukan urusan' khusus di Bandar Seri Begawan untuk memudahkan pelaburan Australia di NBD.

"Pasukan ini terdiri daripada dua pekerja sepenuh masa yang memberi tumpuan untuk membawa lebih banyak perniagaan Australia ke negara ini," kata TYT.

TYT juga turut menyatakan bahawa walaupun Australia adalah salah satu pasaran eksport utama NBD, iaitu mengimport produk makanan premium dari Australia, hubungan pelaburan kedua-dua buah negara masih belum mencapai potensinya.

"Tumpuan utama untuk hubungan dua hala ke hadapan adalah untuk meningkatkan pelaburan dua hala, terutamanya apabila kedua-dua buah negara memulakan transformasi ekonomi utama untuk merebut peluang yang berkaitan dengan peralihan global kepada ekonomi yang lebih hijau," ujar TYT lagi.

Berkongsi mengenai pengalamannya di NBD, Harcourt menjelaskan NBD menyediakan kestabilan dan kepastian yang dihargai oleh pelabur asing.

"Menyaksikan sendiri transformasi negara tersebut, terutamanya dalam industri yang sedang berkembang seperti baja dan hab makanan Halal, adalah sangat menarik dan NBD mempunyai visi yang jelas untuk masa depan dan merupakan masyarakat yang mesra," katanya.

Episod penuh berkenaan dibahagikan kepada tiga segmen dan akan ditayangkan di saluran Ticket's 24-hour selama sebulan. Selain itu, satu bahagian khusus NBD telah dimuat naik ke saluran The Airport Economist's *on-demand channel*, yang menampilkan sembilan segmen, termasuk temu bual dan pandangan lanjut untuk pengembara perniagaan.

The Airport Economist pada asalnya adalah sebuah buku yang dikarang oleh Harcourt, menawarkan pandangan praktikal tentang cara menjalankan perniagaan di pelbagai negara, berdasarkan pengalamannya sebagai Ketua Ekonomi di Suruhanjaya Perdagangan dan Pelaburan Australia (Austrade).

Sejak dilancarkan sebagai siri televisyen pada 2016, ia telah memprofilkan lebih daripada 30 negara, termasuk di negara-negara ASEAN dan Amerika Latin, serta Jepun, Korea Selatan dan China.

RB dan The Empire Brunei juga merupakan rakan kongsi sokongan bagi episod NBD.

## NBD, Thailand terus memperkuat kerjasama erat



YANG Berhormat Menteri Pembangunan mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia hadir pada Majlis Resepsi sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia King Bhumibol Adulyadej The Great, Hari Kebangsaan Kingdom of Thailand, Hari Bapa Thailand dan Sambutan Ulang Tahun Ke-40 Hubungan Diplomatik antara NBD dan Thailand (atas dan atas kanan).

**JERUDONG**, Rabu, 4 Disember. - Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Kerajaan Thailand sentiasa berkongsi komitmen khususnya terhadap keamanan serantau, kemakmuran, kelestarian dan hubungan yang memberikan manfaat kepada rakyat di antara kedua-dua buah negara apatah lagi sebagai Negara-negara Anggota ASEAN.

Perkara demikian dijelaskan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke NBD, Puan Yang Terutama Boosara Kanchanalai pada Majlis Resepsi

sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia King Bhumibol Adulyadej The Great, Hari Kebangsaan Kingdom of Thailand, Hari Bapa Thailand dan Sambutan Ulang Tahun Ke-40 Hubungan Diplomatik antara NBD dan Thailand.

Menurut Puan Yang Terutama Boosara Kanchanalai, Thailand sepenuhnya menyokong inisiatif NBD mengenai agenda iklim dan kelestarian serta berhasrat untuk mengambil bahagian secara aktif dalam Pusat ASEAN untuk Perubahan Iklim.

Terdahulu, Puan Yang Terutama dalam ucapannya menyentuh mengenai dua bidang kerjasama erat yang terus diperkuuh dalam pelbagai dimensi pertama, dalam bidang ketenteraan dan pertahanan di mana kedua-dua negara sentiasa terlibat dalam lawatan dan mesyuarat peringkat tinggi.

PYT seterusnya menjelaskan, kedua, dalam bidang pendidikan di mana lebih banyak biasiswa dan program pertukaran yang ditaja oleh kedua-dua kerajaan dan universiti terkemuka.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Azmah Haji Ahad



Tahun ini tambah PYT, Kedutaan Diraja Thailand di NBD juga melancarkan Thai Book Corner di Universiti Teknologi Brunei bertujuan untuk mempromosikan hubungan antara rakyat, memudahkan pertukaran pengetahuan dan membina pemahaman antara budaya yang seterusnya menyumbang kepada pengukuhan Komuniti ASEAN.

Dalam ucapannya lagi, PYT yakin sebagai langkah ke hadapan, kedua-dua negara akan terus memperkuuh kerjasama sedia ada dan meneroka peluang baharu untuk kebaikan bersama negara, rakyat dan rantaui ASEAN.

Hadir mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Resepsi yang berlangsung di Royal Berkshire Hall, Jerudong, di sini ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid dan isteri, Datin Fadzlin binti Haji Hashim.

Pada majlis tersebut, PYT dan Yang Berhormat serta isteri menyempurnakan Majlis Pemotongan Kek disusuli dengan penyampaian cenderahati kepada Menteri Pembangunan oleh PYT.

# MEMACU INOVASI, MEMPERKASAKAN MASA DEPAN ICT



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat Majlis Resepsi Anugerah APICTA 2024 yang berlangsung di Rizqun International Hotel (atas dan atas kiri). Manakala gambar bawah, Yang Berhormat semasa melawat salah sebuah pameran pada majlis berkenaan.

## HALUAN

### >> Muka 2

Kemajuan seperti ini juga akan mewujudkan peluang-peluang baru untuk kemahiran pembangunan dan pekerjaan dalam industri maritim kita. Dalam hal ini, fokus utama BDMW 2024 juga memupuk kerjaya maritim. Sedang kita menyusuri sesi-sesi dan dialog-dialog minggu ini, kita mengulangi komitmen ini untuk mewujudkan laluan kerjaya yang bermakna dalam sektor maritim bagi orang Brunei. Saya dengan senang hati ingin berkongsi bahawa kerjasama MPABD dengan entiti swasta dan awam telah mewujudkan lebih banyak peluang untuk pembangunan profesional dalam lingkungan sektor maritim kita, meningkatkan kebolehpasaran dan menyediakan rakyat Brunei untuk menjadi pemimpin dalam bidang ini.

Tambahan pula, saya berbesar hati mengalu-alukan para penceramah yang dihormati dan ahli-ahli panel, serantau dan antarabangsa, yang membawa banyak pengetahuan dan pengalaman.

Pandangan mereka tentang topik-topik seperti teknologi baru dalam Perkhidmatan Trafik Kapal (VTS), memperkasa Kerjaya Maritim, dan Latihan Perubatan dan keselamatan untuk Pelaut akan memberi nilai perspektif sedang kita mengharungi industri yang pesat berkembang.

Tahun ini juga menandakan ulang tahun Ke-40 keanggotaan Brunei dalam Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO). Mencapai kejayaan ini dengan IMO adalah bukti bagi komitmen Brunei yang berpanjangan untuk memastabatkan piawai maritim antarabangsa. Kami meraikan pencapaian hari ini bersama anda semua, memperbaharui dedikasi kami kepada kerjasama global dalam mencapai keselamatan, dan inovasi demi kemakmuran industri maritim Brunei.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang telah memainkan peranan dalam menjayakan acara Minggu Maritim Negara Brunei Darussalam sebagai satu kenyataan. Saya Ingin merakamkan penghargaan saya kepada semua penyokong dan rakan kongsi, dengan ucapan terima kasih khas kepada Brunei Shell Petroleum (BSP) di dalam memudahkan Latihan Penyemburan laut dengan kerjasama Oil Spill Response Limited (OSRL) Singapura.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan setinggi-tinggi terima kasih kepada MPABD yang menganjurkan acara ini dan menyatupadukan komuniti kita sekitar tema penting keselamatan, kemampanan, dan strategik pendigitalan operasi maritim.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada jawatankuasa pengajur yang mana dedikasi dan kerja keras telah meletakkan asas bagi sebuah acara yang merapatkan kita sebagai sebuah industri dan mengukuhkan ikatan kerjasama kita.

Sedang kita sama-sama mulakan perjalanan yang baru ini, marilah kita membayangkan sebuah masa depan di mana Negara Brunei Darussalam berdiri sebagai pemimpin yang mampan dalam bidang maritim, daya tahan dan inovasi. Semoga acara ini dapat menjadi platform untuk memberi inspirasi untuk berhubung dan membina perkongsian juga komitmen untuk masa depan maritim yang makmur dan terjamin. Saya juga turut menggalakkan setiap daripada anda untuk mengambil bahagian sepenuhnya, berkongsi idea anda, dan melibatkan diri secara aktif dalam perbincangan yang akan membentuk visi kolektif kita.

Saya mengucapkan selamat maju jaya kepada anda dan semoga kita bersama-sama menempa sebuah masyarakat yang berdaya tahan dan asa depan maritim yang inovatif.

**Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamu Alaikum  
Warrahmatullahi Wabarakatuh.**

### >> Muka 1

Sehubungan itu, sebuah Majlis Resepsi Anugerah APICTA 2024 diadakan baru-baru ini yang berlangsung di Rizqun International Hotel, Gadong.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Dalam ucapannya pada majlis tersebut, Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof selaku Pengurus Bersama I Jawatankuasa Kerja Anugerah APICTA 2024 berkata bahawa NBD sentiasa menjadi penyokong kuat untuk kemajuan teknologi dan hari ini, kita berkumpul untuk meraikan inovasi dan pencapaian yang luar biasa dalam dunia Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) di seluruh rantau Asia Pasifik dan berbangga sebagai platform untuk

kerjasama, pembelajaran dan pertukaran idea-idea canggih.

Anugerah APICTA menurutnya telah menjadi simbol kecemerlangan mengiktiraf kreativiti, semangat dan kerja keras profesional ICT, usahawan dan organisasi di seluruh rantau ini dan merupakan bukti kepada kemajuan luar biasa yang dibuat dalam ICT daripada syarikat permulaan (*startups*) yang inovatif kepada perusahaan yang mantap dan daripada pembangun berwawasan kepada pembuat dasar yang berfikiran ke hadapan (*forward-thinking policy makers*).

"Dengan memacu inovasi dan memperkasakan masa depan, visi dan misi APICTA sejajar dengan visi NBD sendiri untuk memupuk ekonomi berdasarkan pengetahuan. Ketika kita mengharungi era transformasi teknologi yang pesat, adalah penting untuk kita terus memberi inspirasi dan menyokong generasi pemimpin, pemikir dan inovator yang akan membentuk masa

depan ICT bukan sahaja di rantau kita tetapi di seluruh dunia.

"Bersama-sama melalui APICTA, kita boleh mewujudkan persekitaran yang memupuk kerjasama dan menolak sempadan apa yang boleh dicapai oleh teknologi untuk manfaat masyarakat kita," ujar beliau.

Beberapa aktiviti telah dirancang sepanjang Anugerah APICTA 2024 kali ini antaranya Business Networking dan Students Networking yang membuka peluang untuk jaringan hubungan dalam kalangan pihak-pihak yang berkepentingan terutama sekali mereka yang terlibat dalam bidang teknologi dan inovasi untuk berhubung, bekerjasama dan bertukar-tukar idea.

Bersempena dengan Anugerah APICTA 2024, Pameran Digital Brunei juga diadakan yang mengetengahkan kemajuan inovasi dan komitmen Negara Brunei Darussalam ke arah transformasi digital bertempat di Atrium, The Mall, Gadong.



# DOA KESYUKURAN SEMPENA HARI SUKARELAWAN ANTARABANGSA 2024

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



**BANDAR SERI BEGAWAN,**  
Khamis, 5 Disember. - Hari Sukarelawan Antarabangsa adalah satu inisiatif global anjuran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang diraikan pada 5 Disember setiap tahun sebagai peluang untuk menghargai usaha sukarelawan dan mempromosikan pembangunan serta perdamaian.

Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) mengadakan pelbagai program sempena sambutan tersebut termasuk Kempen Hari Bertindak yang bertujuan memperkuuh semangat kesukarelawanan dalam masyarakat.

Sehubungan itu, Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2024 diadakan hari ini di Masjid Ash-Shaliheen.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,

Kempen Hari Bertindak kali ini

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Turut hadir ialah pegawai-pegawai kanan KKBS, ahli jawatankuasa penganjur, belia masjid dan masyarakat awam.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dan Selawat Tafrijiyah yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Mohammad Izzat bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran diikuti dengan tazkirah bertajuk 'Kepelbagaian Sukarelawan, Memperkuat Masyarakat' yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Haji Awang Muhammad Najib bin Haji Awang.

Majlis itu diselajurkan dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah yang diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Mohammad Izzat dan kemudian diakhiri dengan bacaan Doa Kesyukuran, Doa Untuk Rakyat Palestin, Doa Peliharakan Sultan dan NBD.

Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa tahun ini turut dimeriahkan dengan pelbagai acara iaitu Festival Hari Sukarelawan yang akan diadakan pada 6 hingga 8 Disember bertempat di Kompleks Sukan Mumong, Daerah Belait.

Majlis Sambutan dan Penghargaan Kempen Hari Bertindak pada 8 Disember ini, di Kompleks Sukan Mumong dan Maraton Aktiviti Sukarelawan yang bermula pada 11 November 2024 hingga 31 Januari 2025.

Kempen Hari Bertindak kali ini



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2024 (atas). Sementara gambar atas kiri, Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah semasa menyampaikan tazkirah bertajuk 'Kepelbagaian Sukarelawan, Memperkuat Masyarakat'.

menampilkan sembilan kluster utama termasuk Hak Asasi Haiwan; Kemasyarakatan; Keusahawanan Sosial, Kesenian dan Kebudayaan; Pembangunan Belia, Pendidikan; Inisiatif Hijau; Bantuan Bencana dan Kerohanian dan Keugamaan.

Lebih 100 aktiviti dirancang melibatkan kerjasama antara agensi kerajaan, swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan sekolah.

Masyarakat yang berminat untuk menyertai aktiviti kempen boleh mendaftar melalui Aplikasi Mengalinga atau mengikuti maklumat terkini di akaun Instagram rasmi @jbs.bn, @dayofaction.brunei dan @hab.belia. Pendaftaran dibuka sehingga 16 Januari 2025.

Hari Sukarelawan Antarabangsa terus menjadi platform penting untuk memperkuuh peranan sukarelawan sebagai pemangkin perubahan positif dalam masyarakat.

جاتي هاچا جي چواجا دين دالسلام  
BDMD  
Brunei Darussalam Meteorological Department

ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA KENDERaan AWDA TERBABA'S

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat

f bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

## Sukarelawan pemangkin kepada solusi kreatif, praktikal dalam masyarakat

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

### >> Muka 1

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad menekankan demikian dalam perutusan sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2024.

"Di peringkat kebangsaan, saya berasa amat bangga dengan penglibatan aktif para sukarelawan belia kita melalui platform seperti Aplikasi Mengalinga dan inisiatif lain di bawah Agensi-Agenzi Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs) dan pihak swasta," kata Yang Berhormat.

Bukan itu sahaja, Yang Berhormat berkata, kerjasama antara generasi dalam bidang sukarelawan, tidak kurang pentingnya dalam membina komuniti yang harmoni dan berdaya tahan.

Setiap generasi jelasnya, membawa perspektif, pengalaman dan tenaga yang unik, yang apabila digabungkan mampu menghasilkan impak yang lebih besar kepada masyarakat.

dan bimbingan," ujar Yang Berhormat.

Justeru dari itu, Yang Berhormat berharap agar usaha berkebajikan itu bukan sahaja terus berkembang di peringkat kebangsaan tetapi turut merentasi peringkat serantau dan global.

Selain itu, hubungan kerjasama antara negara-negara ASEAN tegas Yang Berhormat, perlu diperkuuhkan melalui platform seperti Pertukaran Sukarelawan Belia ASEAN, yang akan membolehkan kita berkongsi amalan terbaik dan menangani cabaran bersama.

Terdahulu dalam perutusannya, Yang Berhormat memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya kita dapat bersama-sama menyambut Hari Sukarelawan Antarabangsa 2024.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menggariskan, sukarelawan adalah denyutan nadi kemajuan yang menunjukkan di mana tindakan kebaikan kecil boleh membawa kepada perubahan yang besar.

"Pada Hari Sukarelawan

Antarabangsa ini marilah kita raikan semangat luar biasa mereka yang telah mendedikasikan masa dan tenaga untuk meningkatkan kemajuan komuniti. Pada tahun ini penumpuan diberikan kepada pelbagai usaha ke arah mencapai Inisiatif Pembangunan Mampan. Ini amat bertepatan dengan matlamat kita dalam mencapai Wawasan Brunei 2035, khususnya dalam memperkuuhkan masyarakat yang inklusif, harmoni dan lestari," terangnya lagi.

Tekan Yang berhormat lagi, fokus tahun ini mengingatkan kita bahawa sukarelawan adalah agen perubahan yang memainkan peranan penting dalam sama-sama mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs). Di era yang penuh dengan cabaran baik di peringkat nasional, serantau dan global seperti perubahan iklim, ketidaksamaan sosial dan kemiskinan, sukarelawan menjadi pemangkin kepada solusi kreatif dan praktikal dalam masyarakat.

"Akhir kata, marilah kita menghayati Hari Sukarelawan Antarabangsa tahun ini dengan semangat keikhlasan dan pengorbanan. Semoga usaha kita dalam memartabatkan budaya



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa menyampaikan perutusan sempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2024.

sukarelawan akan terus diberati dan menjadi satu legasi berharga kepada generasi akan datang.

"Sekali lagi, saya mengucapkan setinggi - tinggi penghargaan kepada semua sukarelawan atas usaha mereka yang tidak ternilai," ujarnya bagi mengakhiri perutusan tersebut.

# MEMASTIKAN PERSEKITARAN PENGHUNI KRK SELAMAT, KONDUSIF

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Ihsan Kumpulan Titian Harapan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 5 Disember. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad hari ini menghadiri Majlis Penyerahan Sumbangan Projek Titian Impian kepada Kompleks Rumah Kebajikan (KRK) yang berlangsung di Dewan Kuliah, kompleks berkenaan.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan selaku Ketua Kampung Belimbang, Pengarah Institut Perkhidmatan Awam (IPA) dan Pemangku Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat.

Projek Titian Impian merupakan satu inisiatif Community Outreach Program yang dikendalikan oleh Kumpulan Titian Harapan di bawah 31st Executive Development Programme for Senior Government Officers (EDPSGO-31) yang dijalankan oleh IPA.

La bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup penghuni-penghuni KRK selaras dengan prinsip Maqasid Al-Syariah.



Kumpulan Titian Harapan terdiri daripada peserta pegawai kanan EDPSGO-31 iaitu Pengiran Hajah Norismayanti binti Pengiran Haji Ismail dari Jabatan Kehakiman, Dayang Hajah Norazamiah binti Haji Hambali dari Pejabat Peguan Negara, Dayang Amyfariza binti Haji Md. Jaini dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim dari Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Awang Eliazar bin Sabtu dari Kementerian Pembangunan.

Projek ini dilaksanakan seiring dengan Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia Ke-18 di Negara Brunei Darussalam yang bertemakan 'Setiap Kanak-Kanak Punya Hak'.

Tema ini amat bertepatan dengan matlamat projek tersebut bagi memastikan penghuni - penghuni KRK mendapat hak asasi mereka dalam persekitaran yang selamat dan kondusif.

Sebagai umat Islam dalam sesebuah Negara Zikir dan selaku individu ataupun kumpulan dalam sesebuah masyarakat, adalah menjadi tanggungjawab semua untuk memastikan setiap kanak-kanak tanpa mengira latar belakang, mendapat hak mereka untuk hidup, hak untuk memperoleh pendidikan dan hak untuk menerima kasih sayang.

Dengan sokongan padu dari pelbagai pihak penaja seperti Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Makan Ceria Sdn. Bhd. (McDonald's Brunei), Balurih Travel Sdn. Bhd.,

PENGIRAN Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim ketika berucap.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa sesi bergambar ramai.

Persatuan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan Wanita Kerajaan Brunei (BISTARI), Imagine Sdn. Bhd., Cityneon Displays & Construction Sdn. Bhd., P.A.R. Food & Beverage Sdn. Bhd. (The Coffee Bean and Tea Leaf), Arno Zoey Wonderland dan International Graduate Studies College (IGS), maka projek tersebut berjaya melaksanakan beberapa inisiatif penting.

Antara sumbangan utama daripada pihak penaja adalah sebuah tempat permainan ataupun *indoor playground*. Ini bukan sahaja memberi ruang yang selamat dan kondusif untuk aktiviti rekreasi para penghuni, malah ia menjadi wadah pembangunan fizikal dan sosial yang penting dalam membentuk kesihatan mental dan fizikal yang seimbang. Kawasan permainan ini juga membantu mengeratkan hubungan sesama penghuni melalui aktiviti bermain yang sihat.

Seterusnya, pembekalan meja dan kerusi pembelajaran yang baharu daripada pihak penaja menyediakan persekitaran yang menggalakkan pembelajaran

berterusan, memupuk minat membaca dan memberi ruang untuk penghuni mengembangkan potensi akademik mereka dalam suasana yang lebih selesa dan teratur. Bahkan, penyumbangan meja dan kerusi untuk kegunaan umum di KRK, memudahkan aktiviti harian para penghuni serta pelawat kompleks.

Kemudian, penyediaan rekaan artistik dan kata-kata motivasi yang memberi inspirasi telahpun siap dicetak dalam bentuk poster, *banner* dan *sticker* daripada pihak penaja. Setiap kata-kata motivasi berkenaan bertujuan untuk membangkitkan semangat, membina keyakinan diri dan mempengaruhi minda yang positif kepada para penghuni dalam kehidupan sehari-hari mereka.

Pihak penaja juga telah menyokong program Kelas Muqaddam dan Al-Quran selama satu tahun di KRK. Melalui program ini, para penghuni akan mempelajari bacaan Al-Quran dengan betul dan seterusnya memahami nilai-nilai murni dan panduan hidup yang terkandung di dalamnya, sekali gus

membentuk jati diri yang kukuh berdasarkan ajaran Islam.

Selain itu, aktiviti-aktiviti lain telah dikendalikan sebagai inisiatif penting projek tersebut termasuk lawatan ke Arno Zoey Wonderland pada 27 November lalu untuk memberi peluang kanak-kanak menikmati keceriaan taman permainan dan memupuk perasaan dihargai serta disayangi dan ceramah motivasi dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali pada 28 November yang memfokuskan pada pembangunan peribadi dan daya tahan.

Maka dari itu, adalah menjadi harapan Kumpulan Titian Harapan agar projek tersebut bukan sahaja memberi manfaat untuk jangka masa pendek dan sederhana tetapi akan terus memberi impak yang berkekalan kepada kehidupan penghuni-penghuni KRK.

Semoga usaha murni ini akan menjadi pemangkin kepada lebih banyak inisiatif seumpamanya pada masa akan datang selaras dengan pendekatan Whole of Nation dalam memastikan kesejahteraan generasi akan datang.




جاتي سكابي چويا بروني دالسلام  
BDMD  
Brunei Darussalam Meteorological Department

● ● ● ● ●

**JANGAN MENGIKUTI KENDERAAN DI HADAPAN AWDA TERLALU RAPAT**

Jalan raya akan menjadi licin semasa hujan.  
Jika awda mendapat kenderaan di hadapan awda menekan brek secara tiba-tiba, awda mungkin tidak akan mempunyai masa untuk berhenti



[bruneiweather](#) [@brunei.weather](#) [Weather Line 114](#) [www.met.gov.bn](#)

## Pilih Islam sebagai pegangan hidup



AWANG Gending anak Siba melafazkan dua kalimah syahadah Majlis Pengislaman yang berlangsung di rumahnya di Kampung Penabai, Kuala Tutong.

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**TUTONG**, Jumaat, 6 Disember. - Seorang lelaki berbangsa Iban, Awang Gending anak Siba, berumur 71 tahun, melafazkan dua kalimah syahadah pada Majlis Pengislaman petang tadi yang berlangsung di rumahnya di

Kampung Penabai, Kuala Tutong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, yang juga selaku Ketua Kampung

Sengkarai.

Turut hadir ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awangku Arif Anuar bin Pengiran Haji Ahmad; dan Ketua Kampung Penabai dan Kuala Tutong, Awang Muhammad Sofiyuddin bin Mohd.Serudin.

Majlis dimulakan dengan

bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan lafadz dua kalimah syahadah oleh Awang Gending yang memilih nama Islamnya sebagai Muhammad Gending bin Muhammad Shah.

Majlis turut diserikan dengan Dikir Marhaban serta menabur bunga rampai diikuti dengan penyampaian cenderamata dari Pusat Da'wah Islamiah kepada

saudara baharu yang diraikan disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Mengikut statistik keramaian mereka yang memeluk agama Islam di Negara Brunei Darussalam sejak Januari 2024 hingga November 2024 adalah seramai 294 orang. Seramai 60 orang daripadanya adalah dari Daerah Tutong.



**PESURUHJAYA** Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Ambra Dickie semasa hadir menyaksikan Tayangan Filem Kanada bertajuk 'Peace by Chocolate' (atas). Sementara gambar bawah kanan, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 4 Disember. - Suruhanjaya Tinggi Kanada di Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan kerjasama Radisson Hotel malam tadi mengadakan Tayangan Filem Kanada bertajuk 'Peace by Chocolate' berlangsung di hotel berkenaan, di sini.

Hadir bagi sama-sama menyaksikan tayangan filem tersebut ialah Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke NBD, Puan Yang Terutama Ambra Dickie.

Filem 'Peace by Chocolate' pada asalnya didokumentasikan dalam sebuah buku oleh John Tattrie

bertajuk 'Peace by Chocolate : The Hadhad Family's Remarkable Journey from Syria to Canada' dan kemudian pada tahun 2021 filem itu diarahkan oleh Jonathan Keijser dan telah dikeluarkan pada Festival Filem Tribeca.

'Peace by Chocolate's Hadhad Family' telah memberi sumbangan yang besar dengan memberikan 'upah' kepada lebih 50 pelarian dalam syarikat mereka dan memberikan tunjuk ajar serta bimbingan kepada generasi seterusnya dengan harapan akan dapat mencipta peluang yang baharu.

# Tayangan filem sentuh nilai keprihatinan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

sebagai warga Kanada," jelas Puan Yang Terutama.

Filem ini menceritakan mengenai sebuah keluarga iaitu Hadhad Family, sebuah keluarga berbangsa Syria yang terpaksa melarikan diri semasa Perang Saudara pada tahun 2012 dan menghabiskan masa selama tiga tahun di kem pelarian di Lubnan. Pada tahun 2016, Kanada telah

menawarkan penajaan mereka dan berpindah ke sebuah bandar kecil di Antigonish, Nova Scotia.

Tayangan filem berkenaan ialah sebahagian daripada acara Pesta Disember Brunei atau Brunei December Festival (BDF) Kali Ke-8, acara tahunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan.



## KUKUHKAN KERJASAMA ANTARABANGSA TANGANI ANCAMAN KESIHATAN

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat



**YANG Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara** semasa menghadiri Persidangan Serantau Parliment Asia-Pasifik Mengenai Keselamatan Kesihatan Global (Regional Conference for Parliaments of the Asia-Pacific Region on Global Health Security) yang diadakan di Bangkok, Thailand (atas kiri). Manakala gambar atas dan bawah, sekitar persidangan berkenaan.

### >> Muka 1

Presiden Dewan Negara dan Speaker Dewan Perwakilan Thailand, Tuan Yang Terutama Wan Muhamad Noor Matha dalam ucaptamanya telah menekankan kepentingan solidariti rentas sempadan dan menyeru ahli-ahli parlimen untuk memperkuuh kerjasama antarabangsa dalam menangani ancaman kesihatan yang semakin kompleks.

Tuan Yang Terutama Wan Muhamad Noor Matha juga menegaskan bahawa hanya dengan tindakan kolektif, keselamatan kesihatan global dapat dicapai. Sepanjang

persidangan, para peserta menumpukan perhatian kepada isu-isu kritikal seperti persediaan bagi menghadapi kecemasan kesihatan, pengukuhan kerjasama serantau serta penyesuaian dasar untuk menghadapi ancaman masa hadapan.

Sesi perbincangan utama memberi tumpuan kepada Perlindungan Kesihatan Sejagat (Universal Health Coverage), impak perubahan iklim terhadap kesihatan dan peranan inovasi teknologi dalam memperkuuh keupayaan tindak balas terhadap krisis kesihatan.

Delegasi Majlis Mesyuarat

Negara (MMN) diwakili oleh Ahli-ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin dan Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub.

Penyertaan MMN mencerminkan komitmen dalam memperkuuh kerjasama serantau dan menyumbang kepada usaha global untuk membina sistem kesihatan yang lebih teguh dan inklusif.



# Menjaga, Memuliakan dan Memakmurkan Masjid

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam

pada 4 Jamadilakhir 1446H/6 Disember 2024M

Pembinaan masjid perlulah disertai dengan pengimarahnya iaitu aktiviti-aktiviti dan kegiatan-kegiatan bermanfaat yang direhdai Allah SWT

**Antara usaha memakmur dan menghidupkan masjid itu adalah dengan:**



Menjaga sembahyang berjemaah di dalamnya



Sebagai pusat penyampaian dakwah



Sebagai pusat kesejahteraan masyarakat

**Apa yang boleh kita buat:**

- Menjaga dan memelihara masjid agar terhindar dari segala kekotoran dan sebagainya
- Mengeluarkan/menginfaqkan walau sedikit dari harta kita untuk pembinaan masjid

## TABUNG DANA PEMBINAAN MASJID NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



Perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) telah dibukakan kepada orang ramai mulai **27 Februari 2024** yang lalu hingga **26 Disember 2024**



Wang tunai boleh diserahkan kepada **Urusetia Tabung Dana Pembinaan Masjid Brunei Darussalam** di **Jabatan Hal Ehwal Masjid**



Transaksi melalui bank juga boleh dibuat secara **online** atau **walk-in**



# Menjaga, memuliakan dan memakmurkan masjid

penyatuan umat Islam. Perkara ini bukan perkara baharu bahkan telah dilaksanakan pada zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di mana masjid bukan hanya menjadi tempat untuk beribadat tetapi juga menjadi pusat pendidikan, perbincangan tentang urusan umat serta tempat untuk menegakkan keadilan. Pembinaan masjid adalah simbol kekuatan umat Islam yang memupuk perpaduan dan kesatuan.

Oleh itu, wahai jemaah yang dirahmati Allah, pembinaan masjid perlulah disertai dengan pengimarahannya iaitu melaksanakan aktiviti-aktiviti dan kegiatan-kegiatan bermanfaat yang direda Allah Subhanahu Wata'ala.

Alhamdulillah, kita berasa bersyukur bawanya usaha-usaha memakmurkan dan menghidupkan masjid dengan bermacam-macam kegiatan rohani dan amali dari setahun ke setahun semakin meningkat. Masyarakat sudah semakin menyedari bawanya keagungan sesuatu masjid adalah diukur daripada kegiatan-kegiatan yang dilakukan di dalamnya. Apa yang membanggakan, semakin bertambahnya perhatian belia-belia dan remaja dalam turut sama memakmurkan masjid dan terlibat di dalam aktiviti-aktiviti masjid. Kesan kepada usaha-usaha ini akan membentuk generasi yang mantap istiqamah, dedikasi, bersikap peka dan selalu terpanggil bagi menghulurkan khidmat dan bantuan. Maka sehayaknya masjid itu dibangun dan dihidupkan oleh jemaah dan kemudian berfungsi membina jemaah. Justeru, antara usaha memakmurkan dan menghidupkan masjid itu adalah dengan :

**Maksudnya** : "Tempat yang paling disukai Allah di dalam sesuatu negeri itu ialah masjid-masjid-Nya manakala tempat yang paling Allah benci ialah pasar-pasar-Nya". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Sebagai tempat yang paling mulia dan disukai Allah Subhanahu Wata'ala, setentunya masjid memerlukan penghormatan yang sewajarnya daripada sesiapa sahaja yang hendak berkunjung dan masuk ke dalamnya. Seseorang yang suka berkunjung ke masjid pada setiap masa dan waktu semata-mata untuk mendapatkan kelebihan dan ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala merupakan orang-orang yang disifatkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala sebagai orang yang benar-benar beriman kepada-Nya dan mendapat hidayah petunjuk daripada-Nya. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah At-Tawbah, ayat 18 :

**Tafsirnya** : "Orang-orang yang layak mengimarahkan masjid-masjid Allah itu hanyalah mereka yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, mendirikan sembahyang dan membayar zakat serta tidak takut melainkan kepada Allah. (Dengan adanya sifat-sifat tersebut) maka mudah-mudahan mereka termasuk dalam golongan yang mendapat petunjuk".

Ayat yang dibacakan tadi memberi isyarat bahawa masjid adalah tempat yang paling mulia dalam Islam, bukan sahaja sebagai tempat untuk melaksanakan ibadah sembahyang tetapi ia juga berfungsi sebagai pusat pembelajaran, perhubungan sosial dan

sama masjid juga boleh terlibat dalam pembangunan sosial dan ekonomi masyarakat. Ini termasuk menyediakan kemudahan untuk latihan kemahiran, pusat sokongan mental dan aktiviti yang dapat memperkasakan kehidupan masyarakat secara keseluruhan. Dengan semua fungsi ini, masjid bukan sahaja berperanan sebagai tempat ibadat tetapi juga sebagai pusat kesejahteraan sosial yang membantu meningkatkan kesejahteraan mental, fizikal dan spiritual masyarakat.

Sesuai masjid adalah merupakan tempat suci bagi umat Islam, maka ia hendaklah juga dijaga dan dipelihara agar terhindar daripada segala kekotoran dan sebagainya. Kebersihan masjid ini adalah tanggungjawab semua termasuk siapa sahaja yang menggunakan atau memasuki masjid. Memelihara kebersihan masjid tidak terhad kepada bangunannya sahaja bahkan wajib memelihara keseluruhan masjid termasuk luar dan dalam masjid, *harim* atau kawasan masjid, menara masjid, tandas masjid dan sebagainya.

Betapa pentingnya menjaga kebersihan masjid ini sehingga Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Imam Muslim yang menghabarkan bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam apabila ternampak kotoran di masjid, Baginda sendiri tanpa berlengah akan membersihkannya. Bahkan dalam hadis yang lain riwayat Abu Daud, Termizi, Ibnu Majah dan Ahmad, Baginda memerintahkan supaya dibersihkan dan diberi harum-haruman.

Marilah saudara-saudara jemaah yang dirahmati Allah, kita hayati satu kisah seorang wanita bernama Ummu Mahjan Radiallahuanha, wanita berkulit hitam yang hidup pada zaman Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang secara sukarela berkhidmat memelihara kebersihan Masjid Nabawi di Madinah. Beliau sangat rajin menyapu dan membersihkan Masjid Nabawi pada setiap hari. Di usianya yang sudah tua, beliau tetap istiqamah melakukan pekerjaan yang mendatangkan manfaat untuk orang lain.

Pada suatu malam, wanita tersebut meninggal dunia kerana sakit. Beberapa hari kemudian Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bertanya kepada para sahabat ke manakah wanita tersebut. Lalu dijawab, bahawa wanita itu telah meninggal dunia. Alangkah terkejutnya Baginda kerana tidak dikhabarkan lebih awal tentang kematiannya dan menegur para sahabat kerana mereka seolah-olah tidak memandang tinggi kedudukan wanita itu sehingga mereka menyangka kematiannya tidak perlu dikhabarkan kepada Baginda secara segera.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pun meminta tunjukkan tempat wanita itu dikuburkan kemudian Baginda melakukan Sembahyang Jenazah di situ. Lihat saudara, betapa beruntungnya Ummu Mahjan Radiallahuanha ini sehingga Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pergi ke kuburnya untuk

menyembahyangkan sebagai penghormatan dan penghargaan atas khidmatnya menjaga kebersihan masjid. Beruntungnya Ummu Mahjan Radiallahuanha kerana sembahyang Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam untuk jenazahnya merupakan rahmat dan cahaya di kuburnya. Maka jika khidmat memelihara kebersihan masjid ini pun bukan calang-calang khidmat, maka betapa lagi saudara-saudara sekalian, khidmat-khidmat, sumbang-sumbang dan kebajikan-kebajikan lain yang dihulurkan sehingga terbinanya masjid serta tersedianya segala kemudahan untuk manfaat dan keselesaan pengunjung dan para jemaah.

Melihat betapa besarnya ganjaran bagi kita yang menjaga, menghormati dan memuliakan masjid, maka adalah tidak menjadi kerugian untuk mengeluarkan atau menginfakkan walau sedikit daripada harta kita untuk pembinaan masjid. Yakinlah, bahawa setiap harta yang diberikan di jalan Allah Subhanahu Wata'ala itu akan beroleh pahala dan ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Alhamdulillah, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menubuhkan Tabung Dana Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam. Ini termasuklah juga Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam yang telah dibuka kepada orang ramai mulai 27 Februari 2024 yang lalu hingga 26 Disember 2024.

SMS ini memberi peluang kepada orang ramai khususnya umat Islam di negara ini bagi menginfakkan dan membelanjakan sebahagian harta dengan niat sebagai ibadah dan melipatgandakan amal kebajikan semata-mata bagi meraih ganjaran pahala yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Selain itu, wang tunai juga boleh diserahkan kepada Urus Setia Tabung Dana Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam di Jabatan Hal Ehwal Masjid dan transaksi melalui bank juga boleh dibuat secara online atau walk in.

Akhirnya, mudah-mudahan segala yang kita sedekahkan dan infakkan dengan tulus ikhlas diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan mudah-mudahan dengan yang demikian kita akan mendapat keredaan, keberkatan dan rahmat yang berpanjangan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

**Tafsirnya** : "Perumpamaan orang-orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah samalah seperti (menanam) sebiji benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, tiap-tiap satu tangkai pula mengandungi 100 biji. Dan Allah akan menggandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya. Dan Allah Maha Luas (rahmat dan limpah kurnia-Nya) lagi Maha Mengetahui". (Surah Al-Baqarah, ayat 261)

# دعاء ممohen كقد الله سقايي قرسلامة درقد بلاء دان سکل جنیس چاکیت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ۝ ۳ کالی۝.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْأَنَّامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا حَلَقَ ۝ ۳ کالی۝.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي  
السَّمَاءِ وَهُوَ أَكْبَرُ الْعَلِيمُ ۝ ۳ کالی۝.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ  
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَهِ دَاءً. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَخِنْنَا وَبِاللَّهِ  
أَحْتَسِنْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَيْرَوَتِ.  
وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَمِيِّ الَّذِي لَا  
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُنَاحِ، وَمِنْ سَبَبِي  
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي  
كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْطَّعْنَ وَالْطَّاغُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ  
وَقِنَا شَرَّ الْرَّدَى بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَيْرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ  
شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ۳ کالی۝.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan anaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkusa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

آية الكرسي

اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذْنَا مُحَمَّدٌ  
سِنَةً وَلَا نَوْمًا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا  
فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عَنْهُ  
إِلَّا يَادِينَ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ  
وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ  
وَسَعْ كُرْسِيهِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلَا يَئُودُهُ  
حَفْظُهُمَا وَهُوَ أَعْلَى الْعَظِيمِ ﴿٦٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاتَةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنْفَرُجُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقْضَى بِهِ  
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَخُسْنُ الْحَوَائِجُ، وَيُسْتَسْقَى  
الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ  
وَنَفْسٍ بَعْدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdilan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engku limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahnnya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ  
وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ  
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِعِصْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِدُنْيَايِّ،  
فَاغْفِرْ لِي فِيَّهُ وَلَا يَغْفِرُ الذُّنُوبُ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engku. Engku telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahanat yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engku".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذَكْر بِچاءِنْ يَعْمَلُوا كَبِراً وَنَتوَعْنَ سَاعَتْ بَسْرَ كَفْدَ قَعْمَلَنْ ( تَولُقَ بلاءَ )

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

(3)

وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung juga).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْيِثُ

(5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأَفْوَضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

# Memastikan pengeluaran padi, beras negara terus berdaya maju

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 5 Disember. - Seramai 35 peserta yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Universiti Brunei Darussalam, Universiti Teknologi Brunei dan peladang-peladang padi menerima sijil pada Majlis Penutupan Rasmi Project on Hybrid Rice Senior Expert Consultants Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP).

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut yang diadakan hari ini ialah Setiausaha Tetap KSSUP, Dayang Hajah Tutiati binti Haji Abdul Wahab. Turut hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke

Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Dr. Xiao Jianguo dan pegawai kanan serta kakitangan dari jabatan-jabatan di bawah KSSUP serta peserta-peserta kursus.

Projek ini merupakan anjuran bersama Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan Yuan Long Ping High-Tech Agriculture Co. Ltd. dengan sokongan daripada Kementerian Perdagangan, Republik Rakyat China.

Projek ini melibatkan kursus selama 45 hari dalam teknologi padi hibrid di mana seramai enam pakar serta seorang penterjemah telah dihantar dari Republik Rakyat China ke negara ini untuk mengendalikan kursus tersebut.

Kursus ini merupakan kerjasama berterusan di antara NBD dan Republik



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Dayang Hajah Tutiati binti Haji Abdul Wahab hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan. Turut hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Dr. Xiao Jianguo (atas, kiri dan bawah).

Rakyat China dalam bidang penanaman padi bagi mendukung inisiatif KSSUP untuk meningkatkan pengeluaran hasil padi dan beras negara melalui peningkatan produktiviti padi di negara ini.

Melalui kerjasama-kerjasama yang dijalankan, diharapkan NBD akan dapat mengenal pasti lebih banyak varieti padi unggul dan berhasil tinggi yang sesuai untuk ditanam di negara ini dan dalam masa yang sama, membangunkan kapasiti peladang tempatan dalam teknologi hibrid bagi memastikan pengeluaran padi dan beras negara terus berdaya maju serta berdaya tahan bagi jangka masa yang panjang.



## LAWATAN TUMPUKAN BUDAYA KERJA BERKUALITI TINGGI

Siaran Akhbar dan Foto : Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 5 Disember. - Seramai 30 guru dari Sekolah Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) telah berlepas ke Sabah, Kota Kinabalu bagi Lawatan Rasmi ke Jabatan Pendidikan Sabah dan dua buah sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan Tobobon Kota Kinabalu dan Kinabalu International School selama tiga hari bermula 4 hingga 6 Disember 2024.

Antara tujuan lawatan ialah

bagi mempelajari amalan terbaik (*best practices*) dalam bidang Akademik dan Kegiatan Kokurikulum (CCA), Program Pemulihan (*Intervention Program*), Program Literasi dan Numerasi serta Etos Sekolah.

Di samping itu juga, bagi mengeratkan hubungan silaturahim antara kedua-dua organisasi, mempelajari dan meningkatkan budaya kerja yang berkualiti tinggi serta pengurusan dan

pentadbiran sekolah dalam menentukan kualiti pengajaran serta pembelajaran yang efektif.

Rombongan diketuai oleh Setiausaha Agung PGGMB, Awang Haji Mustapa bin Haji Masri dan disertai oleh Timbalan Setiausaha Agung (Luar Negeri), Awang Haji Yahya bin Haji Murasan; Guru Besar Sekolah Tunas Jaya (STJ) PGGMB Madang, Awang Ismail bin Haji Tia; Guru Besar STJ PGGMB Belait, Dayang Fazziah binti Kamis; Guru-guru Kanan dari STJ PGGMB Lambak, Guru Kanan

dari Sekolah PGGMB Sungai Akar dan guru-guru dari Sekolah PGGMB.

Adalah diharapkan dengan lawatan ini akan dapat menyunitik semangat dan komitmen yang

padu daripada peserta-peserta rombongan agar dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran yang lebih efisien dan efektif di sekolah masing-masing kelak.



SEKOLAH Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) berlepas ke Sabah, Kota Kinabalu bagi Lawatan Rasmi ke Jabatan Pendidikan Sabah dan dua buah sekolah selama tiga hari bermula 4 hingga 6 Disember 2024.



ELAKKAN MEMANDU DI LORONG KANAN

Kenderaan lain yang datang dari arah berlawanan mungkin akan melanggar lopak air lalu ia akan menyebabkan air terpercik memenuhi cermin hadapan kereta dan menghalang penglihatan anda

# PESTA MAKAN TAHUN : MEMPERKENALKAN, MEMPERTAHANKAN ADAT BUDAYA TRADISI



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Suzani Adina Haji Marzuki

**JERUDONG**, Jumaat, 6 Disember. - Majlis Perundingan Kampung Jerudong 'A', MPK Jerudong 'B' dan Persatuan Warisan Kedayan Jerudong dengan kerjasama Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) buat julung kalinya mengadakan Pesta Makan Tahun kali pertama yang diadakan di Pantai Siandang, Kampung Jerudong, di sini.

Pesta Makan Tahun berkenaan yang termasuk di dalam kalendar acara Pesta Disember Brunei (BDF) Kali Ke-8 akan berlangsung selama tiga hari bermula hari ini hingga Ahad, 8 Disember 2024 dengan pengisian pelbagai aktiviti dan pameran makanan - makanan tradisi melayu selain pameran pertukangan tangan dan kraf

tangan, persembahan gasing, termasuk acara sukan ria dan aktiviti gerai-gerai jualan daripada para pengusaha anak buah Kampung Jerudong 'A' dan Kampung Jerudong 'B'.

Perasmian acara Pesta Makan Tahun berkenaan disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Dayang Noralinda binti Haji Ibrahim, selaku wakil Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Turut hadir ialah Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri; pegawai-pegawai dari KSSUP, Ahli-Ahli Jawatankuasa daripada MPK



TIMBALAN Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) hadir selaku tetamu kehormat Pesta Makan Tahun yang diadakan di Pantai Siandang, Kampung Jerudong (atas dan kiri).

Jerudong 'A' dan MPK Jerudong 'B', Persatuan Warisan Kedayan Jerudong, JDBM serta para jemputan khas.

Pemangku Ketua Kampung Jerudong 'B', Awang Kamis bin Panjang, yang juga selaku Pengurus Majlis semasa berucap pada majlis berkenaan menjelaskan, Budaya Makan Tahun adalah satu adat yang dahulunya dilakukan selepas menuai padi.

Tambahnya, Makan Tahun diadakan sebagai tanda kesyukuran kerana mendapat hasil menuai padi yang memberangsangkan dan ia diadakan bagi mengharapkan supaya mendapat pendapatan yang lebih baik pada masa akan datang.

Objektif penganjuran acara berkenaan ujar beliau, adalah untuk memperkenalkan dan

seterusnya mempertahankan adat budaya tradisi Makan Tahun supaya tetap kekal ada dan menjadi salah satu warisan yang masih relevan pada zaman moden sekarang bagi beberapa puak Brunei.

"Dengan cara ini, sekurang-kurangnya generasi anak muda kedua-dua buah kampung (Jerudong 'A' dan Jerudong 'B') akan kenal dan berusaha mengekalkan salah satu adat budaya yang terdapat di negara kita," ujarnya.

Sejurus perasmian, tetamu kehormat majlis serta jemputan lain beredar bagi menyaksikan pertunjukan mengelupis, persembahan pentas daripada piak penganjur dan juga daripada Persatuan Kedayan luar dan dalam negeri.

mempelajari warisan adat budaya dan tradisi yang diwarisi sejak dahulu lagi.

Pesta Makan Tahun pada hari kedua, Sabtu, 7 Disember 2024 akan bermula pada jam 8.30 malam dengan pengisian persembahan Pencak Silat, persembahan pentas daripada piak penganjur dan juga daripada Persatuan Kedayan luar dan dalam negeri.

Manakala pada hari terakhir, iaitu Ahad, 8 Disember 2024 pula dibukakan bagi kunjungan orang ramai bermula jam 8.45 pagi dan antara aktiviti yang dijalankan ialah pameran barang kelengkapan sehari yang sering digunakan oleh Puak Kedayan, pameran mengelupis, mendadik, menjalin Kelupis, makanan Sumboi-Sumboi dan Dalamu di samping pertunjukan bermain gasing dan perlawanan tarik kalat.

## Zahir rasa syukur dengan terbinanya masjid baharu

Oleh Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas



TIMBALAN Pengurus, Majlis Perundingan Kampung Junjongan, Awang Haji Tamin bin Yusof semasa ditemu bual.

**JUNJONGAN**, Jumaat, 6 Disember. - Pentingnya masjid dalam Islam tidak dapat disangkal, ia bukan hanya sekadar tempat ibadah tetapi juga menjadi pusat pembelajaran, kesatuan dan kesejahteraan sosial.

Dalam konteks ini, adalah penting untuk memahami bahawa masjid bukan sahaja menjadi struktur fizikal tetapi juga tiang moral dan spiritual bagi umat Islam.

Sehubungan itu, tinjauan Pelita Brunei pada Perasmian Masjid As-Salaam, Kampung Junjongan yang diadakan sejurus sebelum menuaikan Sembahyang Fardu Jumaat tengah hari tadi menyaksikan jemaah yang hadir merasa teruja setelah terbinanya masjid berkenaan.

Semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei, Timbalan Pengurus, Majlis Perundingan Kampung Junjongan, Awang Haji Tamin bin Yusof yang menetap di Kampung Junjongan sejak tahun 1970-an melahirkan rasa gembiranya dengan pembinaan masjid berkenaan.

Beliau seterusnya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas titah perkenan baginda dalam membangunkan masjid berkenaan.

Manakala, Ketua Kampung Junjongan, Awang Haji Ahmad Shah Tamami bin Haji Timbang turut melahirkan rasa gembiranya setelah terbinanya masjid berkenaan yang menurutnya akan memudahkan lagi

beliau berserta keluarga dan jemaah lainnya untuk menuaikan ibadah.

"Saya merasa sangat berbangga selaku penduduk Kampung Junjongan kerana sebelum ini kami memang mempunyai masjid akan tetapi masjid berkenaan adalah kecil dan tidak mampu menampung semua jemaah di kampung ini."

"Alhamdulillah, dengan terbinanya masjid ini, kami sangat bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan turut menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia," tambahnya lagi.



KETUA Kampung Junjongan, Awang Haji Ahmad Shah Tamami bin Haji Timbang semasa ditemu bual.

## UNISSA, Mitsubishi Corporation meterai MoU pelbagai bidang



MENANDATANGANI bagi pihak Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) ialah Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Haji Norfarfan bin Haji Zainal manakala bagi pihak Mitsubishi Corporation ialah Tadashi Hara wakil Negara Mitsubishi Corporation (Pejabat Perwakilan Brunei).

Siaran Akbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**GADONG**, Khamis, 5 Disember. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengadakan Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Mitsubishi Corporation yang diadakan di Kampus UNISSA baru-baru ini.

Menandatangi bagi pihak UNISSA ialah Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Haji Norfarfan bin Haji Zainal manakala bagi pihak Mitsubishi Corporation ialah Tadashi Hara wakil Negara Mitsubishi Corporation (Pejabat Perwakilan Brunei).

MoU ini mewakili perkongsian yang diperkuuh antara UNISSA dan Mitsubishi Corporation bagi usaha bersama dalam mempromosikan pendidikan, penyelidikan, pembangunan mampan dan menyediakan peluang pendidikan yang lebih baik khususnya pelajar untuk mengikuti pengajian di UNISSA.

# LAWATAN TIMBA ILMU PENGETAHUAN DALAM KALANGAN BELIA

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad  
 Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Kawasan 4  
 Rancangan Perumahan Negara Kampung Panchor, Mengkubau



**SEKITAR** lawatan yang diadakan ke Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei, Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja dan Muzium Alat Kebesaran Diraja (atas, atas kanan dan bawah kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 4 Disember. - Ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kawasan 4 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor, Mengkubau (MPK Kawasan 4 Berserumpun) mengadakan lawatan ke tiga buah lokasi hari ini iaitu Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei, Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja dan Muzium Alat Kebesaran Diraja.

Seramai 47 orang telah mengikuti rombongan lawatan berkenaan terdiri daripada anak-anak yatim, belia dan belianwanis serta Ahli Jawatankuasa (AJK) MPK

berkenaan.

Hadir mengetuai rombongan tersebut, Ketua Kampung Kawasan 4 RPN Kampung Panchor, Mengkubau, Awang Faidil Rosemady bin Mohamad.

Adapun lawatan tersebut antaranya bagi mengisi masa cuti hujung tahun persekolahan di samping memberikan pendedahan dan pengetahuan yang berguna dan bersejarah terutama sekali kepada generasi muda.

Dengan adanya penglibatan para golongan muda ini, AJK MPK Kawasan 4 tersebut berharap untuk sama-sama menyokong sebarang aktiviti dan acara MPK berkenaan pada masa akan datang nanti.



## Rombongan Masjid UBD adakan lawatan ke Kuching, Sarawak

■ Berita dan Foto : Ihsan Haji Khalid Haji Bujang



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 4 Disember. - Seramai 30 orang terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid dan keluarga dari jemaah Masjid Universiti Brunei Darussalam (UBD) baru-baru ini membuat lawatan ke dua buah masjid di Kuching dan Borneo Cultures Museum dari 21 November sehingga 24 November 2024.

Rombongan diketuai oleh Pemangku Ketua Kampung Kawasan 2 Rancangan pejabat berkenaan.

Perumahan Negara (RPN) Kampung Rimba, Awang Haji Mohammad bin Haji Kabun. Lawatan tersebut adalah satu daripada program aktiviti berkala takmir masjid.

Ketibaan rombongan di Lapangan Antarabangsa Kuching dialu-alukan oleh Konsulat Agung Negara Brunei Darussalam di Kuching, Sarawak, Sheikh Abdul Mahdani bin Dato Paduka Sheikh Haji Abdul Gani dan kakitangan pejabat berkenaan.

Rombongan telah melawat ke Masjid Jamek, Kuching, Sarawak dialu-alukan oleh Ketua Bahagian Masjid Jamek Negeri Sarawak, Haji Mohd. Nidzam bin Haji Ahmad; Ketua Bahagian Masjid Bandaraya Kuching, Nuraiman bin Omar serta jemaah masjid tersebut.

Semasa lawatan tersebut, rombongan telah diperdengarkan taklimat mengenai sejarah awal masjid dan pentadbirannya yang disampaikan oleh Haji Mohd. Nidzam manakala Awang Haji

Mohammad telah memberikan ucapan balas bagi pihak rombongan.

Pada kesempatan ini juga, pihak rombongan telah menyampaikan sumbangan berupa 20 naskhab Al-Quran dan 20 sejadah daripada pihak Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan sumbangan dari Masjid UBD.

Selepas lawatan dari Masjid Jamek, rombongan meneruskan lawatan ke Masjid Al Ghazali, Kuching dialu-alukan oleh Haji Adi Sumardi bin Haji Ghazali yang

seterusnya memberi taklimat mengenai sejarah awal Masjid Al Ghazali. Ini juga diikuti dengan penyampaian sumbangan daripada pihak rombongan.

Dengan adanya lawatan tersebut, ia diharap dapat memberikan pengetahuan dan gambaran lebih jelas kepada rombongan mengenai pentadbiran dan aktiviti masjid secara lebih meluas di samping memberikan pendedahan kepada mereka mengenai fungsi, tugas dan tanggungjawab.



## IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HIRUANTUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI [WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)

### PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.



2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat iklan akan ditolak.

- 1 Lengkapkan Profil PSCR 2.0 ([WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN))
- 2 Lengkapkan Kelulusan (Pendidikan / pengalaman kerja / bidang kelulusan)
- 3 Muat naik dokument kelulusan yang lengkap (Sertifikat pelajaran dan pengalaman kerja) yang bersejarah
- 4 Tandakan "I" pada kotak semak "jawatan Selarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
- 5 Lengkapkan Maklumat (Borang iklan / pengalaman kerja selama ini yang berperanan dalam skemanya)

+673 7371961 query@spa.gov.bn

Tujuan Wajibsg: Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

PSC.BN

Jawatan, Tanda Gaji dan Bilangan Iklan		Urus setia Pengambilan	Kekosongan	Jenis Iklan	Tarikh Tutup Permohonan
1. PENOLONG PEGAWAI KERJA TINGKAT I PUTUS PEKERJAAN BRUNEI, JABATAN PERDANA MENTERI C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III) 2024/NOV/03/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	09	7(A)	14 DISEMBER 2024	
2. PENOLONG PEGAWAI KERJA TINGKAT II PUTUS PEKERJAAN BRUNEI, JABATAN PERDANA MENTERI C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2024/NOV/02/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	11	7(A)	14 DISEMBER 2024	
3. PEGAWAI KEWANGAN JABATANAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN, KEMENTERIAN PERTAHANAN B.2 / B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) 2024/NOV/04/KPTH	KEMENTERIAN PERTAHANAN	01	7(A)	14 DISEMBER 2024	
4. PEMBANTU MAKAL KANAN JABATAN PERKHIDMATAN MAKAL, KEMENTERIAN KESIHATAN M.4 EB.5 (BAHAGIAN IV) 2024/NOV/06/KKS	KEMENTERIAN KESIHATAN	05	7(A)	14 DISEMBER 2024	
5. PEGAWAI HAL EHWAL UNDANG-UNDANG, KEMENTERIAN PERTAHANAN B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) 2024/NOV/02/KPTH	KEMENTERIAN PERTAHANAN	01		14 DISEMBER 2024	
6. IMAM TINGKAT IV JABATAN HAL EHWAL MASJID, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA D.4-5 EB.6 (BAHAGIAN IV) 2024/NOV/02/KHEU	KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	01	7(A) Luar Bidang	14 DISEMBER 2024	
7. REKRUT POLIS KONSTABEL (LELAKI) PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI PD.1 (BAHAGIAN V) 2024/NOV/01/JPM	PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI, JABATAN PERDANA MENTERI		7(A) Luar Bidang	16 DISEMBER 2024	

PERINGATAN:  
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN IKLAN JAWATAN KOSONG.  
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIJENKAKAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA  
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEH DI [WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)



### Bahagian Khidmat Bakti Negara [BKBN] Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negara Brunei Darussalam

1. Bilangan Sebut Harga: 18 / NOVEMBER / KKBS / BKBN / 1.40 / 24

Tajuk Sebut Harga: Kontrak Penggal Tiga (3) Tahun Bagi Pembekalan dan Penghantaran Pelbagai Barang Guna Pakai Habis dan Kelengkapan Logistik Di Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Batu Apoi, Temburong

2. Bilangan Sebut Harga: 19 / NOVEMBER / KKBS / BKBN / 1.40 / 24

Tajuk Sebut Harga: Kontrak Penggal Tiga (3) Tahun Bagi Pembekalan dan Penghantaran Pelbagai Alat



Kelengkapan Sukan Di Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Batu Apoi, Temburong

3. Bilangan Sebut Harga: 20 / NOVEMBER / KKBS / BKBN / 1.40 / 24

Tajuk Sebut Harga: Kontrak Penggal Tiga (3) Tahun Bagi Pembekalan dan Penghantaran Pelbagai Alat Kelengkapan Logistik Di Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Batu Apoi, Temburong

Tarikh Tutup : Khamis, 12 Disember 2024. Tidak lewat jam 2.00 Petang.



### JABATAN PERBENDAHARAAN KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Bilangan Tawaran : JPKK / JKSH2425-QTN.04 / FSS

Tajuk Tawaran:  
The Supply And Delivery Of Five Hundred (500) Pieces Of Pengiran-Pengiran Kebanyakan Flag 3' X 6' Woolen Bunting Sewn With State Crest In Red Colour On Both Sides For The Treasury Department, Ministry Of Finance

Tarikh Tutup / Jam :  
14 Disember 2024  
Sabtu  
(9.00 Pagi)

Tempat Menghantar Tawaran:  
Peti Sebut harga, Jabatan Perbendaharaan Tingkat 2, Tower Block Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam



Bilangan Tawaran: JDT / KPD / 18 / 2024 - 2025

Tajuk Tawaran:  
Supply And Install Flat Roof At Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Tutong, Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran: BND5.00

Tarikh Tutup : Isnin, 6 Januari 2025. Jam 2.00 Petang.



### JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas : IV & V sahaja

Kategori : KA01

Tarikh Mengambil Dokumen Tawaran : 20 November 2024.

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran : Selasa, 10 Disember 2024. Jam 3.00 Petang.

Tarikh Tutup Tawaran : Selasa, 17 Disember 2024. Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran: JKR / DOR / SRC 33 / 2024

Nama Projek: Menyediakan Infrastruktur Asas Untuk Kemudahan Nelayan Kecil-Kecilan Di Tempat Penurunan Perahu Kg. Kuala Tutong, Daerah Tutong

Yuran Tawaran : BND100.00 (Tidak dikembalikan)



Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Kelas I & II Sahaja Di Bawah Kategori B 01 Sahaja

Bilangan Tawaran: JMM / JKSH / Q&T / 2024 / 30

Tajuk Tawaran: Minor Repair Works To Royal Dais And Other Associated Work To Bangunan Dewan Majlis Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Brunei Darussalam.

Yuran Tawaran: Percuma

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran: 19 Disember 2024.

Tarikh Tutup: 24 Disember 2024. Jam 2.00 Petang.



Jabatan Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

Jawatan Kosong Di Sekretariat Komanwel, London, United Kingdom

Jawatan : Adviser Ocean Governance, Trade, Oceans and Natural Resources Directorate

Kekosongan : 1

Tarikh Tutup : 10 Disember 2024.

Untuk makluman, maklumat lanjut mengenai jawatan tersebut termasuk permohonan boleh didapat melalui laman sesawang : <http://thecommonwealth.org/jobs>





**Rujukan Tawaran:**  
56 / JPD / JKSH / 2024 - 2025

**Tajuk Tawaran:**  
Supply and Delivery Of Chairs  
For Land Transport Department  
Headquarters Building

**Tarikh Tutup :**  
Rabu, 18 Disember 2024.  
Sebelum 2.00 Petang.



**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI**

**Tajuk Tawaran:**

**Sebut Harga Bagi :**  
1. Repair Engine Of  
Volvo FL10 BG 8946  
(RUJ: JBP / TSH / 60 /  
2024 - 2025)

2. Maintenance Of  
1 Unit PSS-7000 and 3 Units  
PSS-90 Draeger Breathing  
Apparatus Backplate  
(RUJ: JBP / TSH /  
61 / 2024 - 2025)

3. Towing Services For  
10 Units Fire Vehicles  
(RUJ: JBP / TSH / 62 /  
2024 - 2025)

4. Membekal dan Menghantar  
Sijil Bomba  
(RUJ: JBP / TSH / 63 /  
2024 - 2025)

**Tarikh Tutup / Jam:**  
Khamis,  
19 Disember 2024.  
(1.50 Petang)

**Yuran Tawaran:**  
BND5.00



**Bilangan Tawaran:**  
KHEU / JPI / LTN / BSK /  
SMALHB / 09

**Keterangan:**  
Tawaran Perkhidmatan  
Bas Sewa Khas 45 Muatan  
Sebanyak Dua (2) Buah bagi  
Kegunaan Sekolah Menengah  
Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah,  
Di Bawah Kawalan  
Jabatan Pengajian Islam,  
Kementerian Hal Ehwal Ugama,  
Bagi Tempoh Lima (5) Tahun  
Tahun 1446H-1447H /  
2024M-2025M

**Bayaran Yuran Tawaran:**  
BND30.00  
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Selasa,  
29 Jamadilakhir 1446H /  
31 Disember 2024M.  
Jam 2.00 Petang.



**Bahagian Pelaburan**  
Kementerian Kewangan  
dan Ekonomi

**Bilangan Tawaran:**  
KKW / P / 56  
(IT/Q4/2024)

**Tajuk Tawaran:**  
The Supply, Delivery,  
Installation, Configuration,  
Testing and Commissioning Of  
New IT Hyper - Converged  
Infrastructure for  
Investment Division,  
Ministry of Finance and Economy  
Brunei Darussalam

**Yuran Sebut Harga**  
**(Hardcopy) :**  
BND10.00 tunai  
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**  
Isnin,  
30 Disember 2024.



**JABATAN DAERAH  
TEMBURONG  
KEMENTERIAN HAL EHWAH  
DALAM NEGERI**

**Tajuk Tawaran Ruang Kedai:**  
Pemberitahuan Tawaran Ruang  
Kedai Kosong kepada  
Pengusaha-Pengusaha di  
Bangunan Kompleks Perniagaan  
Bumiputra, Kompleks Utama  
Bumiputra dan Bangunan Pasar,  
Pekan Bangar Temburong.

**Tarikh Tutup:**  
Selasa,  
31 Disember 2024.



**KEMENTERIAN KEWANGAN  
DAN EKONOMI**

**Bilangan**  
**Sebut Harga:**  
KKE / BTM /  
PROC / 2024 / 2

**Tajuk Sebut Harga:**  
Pembekalan  
Mesin Mencetak Bagi  
Kegunaan Kementerian  
Kewangan dan Ekonomi  
dan Bahagian-Bahagian  
Di Bawahnya

**Tarikh Tutup :**  
Sabtu,  
7 Disember 2024.



جائزه سکابي جولجا بروني دارالسلام

**BDMD**  
Brunei Darussalam  
Meteorological Department

**JABATAN KAJICUACA  
KEMENTERIAN  
PENGANGKUTAN DAN  
INFOKOMUNIKASI**

**Bilangan Tawaran:**  
JKBD / 2024 / SH-14

**Tawaran Bagi**  
The Supply, Installation,  
Configuration And Delivery  
Of One (1) High-Performance  
Laptop For Numerical  
Weather Prediction  
(NWP)  
Research And Development

**Tarikh Tutup:**  
Rabu,  
18 Disember 2024.



## PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)  
hendaklah dihantar dan diterima oleh  
Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK**  
**kurang dari empat (4) minggu dan**  
**Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari**  
**dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan  
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah  
dibaca menggunakan **Microsoft Word**  
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang  
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar  
menggunakan **BAHASA MELAYU**  
**SAHAJA.**

- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah  
dihantar melalui :

E-MEL :  
**iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400  
**sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA  
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI  
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

# PROGRAM SUA MUKA BARIGAKAN ISU SEMASA, DASAR KERAJAAN



SUASANA Program Sua Muka bagi Kampung Telisai, Mukim Telisai, Daerah Tutong bertempat di Dewan Sekolah Rendah Tumpuan Telisai (kiri dan kanan).

Program dimulakan dengan mukadimah daripada ketua rombongan di mana beliau menekankan mengenai peranan Jabatan Penerangan sebagai lidah, mata dan telinga kerajaan dalam menyampaikan apa jua maklumat yang terkini, dasar-dasar kerajaan dan isu-isu semasa kepada rakyat dan penduduk di negara ini melalui beberapa landasan yang antara lain ialah Program Sua Muka dan juga melalui terbitan akhbar rasmi Pelita Brunei.

Dayang Izzah Hazirah seterusnya menerangkan bahawa program berkenaan adalah salah satu program di bawah strategi kerja Jabatan Penerangan iaitu Komunikasi Bersemuka yang dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan-rakyat dan rakyat-kerajaan dengan membarigakan maklumat dan mengendalikan program hubungan masyarakat yang dapat menyumbang kepada



perkembangan dan kemajuan mukim atau kampung.

Melalui program ini juga tambahnya, turut dikongsikan pesanan awam mengenai penyebaran maklumat palsu (*fake news*), impaknya dan juga tatacara untuk membuat laporan mengenainya.

Turut hadir menyampaikan maklumat kepada penduduk-penduduk kampung ialah pegawai - pegawai daripada Jabatan Perkhidmatan Elektrik; Jabatan Kerja Raya; Jabatan Perkhidmatan Air; Jabatan

Perhutanan dan Pihak Berkusa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI).

Program turut diisikan dengan sesi dialog bersama Penghulu Mukim Telisai, Awang Haji Haslan bin Haji Shahbudin dan Ketua Kampung Telisai, Awang Sofian bin Haji Mohammad Yusof serta penduduk kampung mengenai isu-isu yang dibangkitkan yang antara lain berkaitan dengan prasarana, keselamatan, kebijakan, infrastruktur dan kemudahan awam di kampung berkenaan.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Alishahrin Haji Mumin

**TUTONG,** Khamis, 5 Disember. - Dalam usaha untuk menyampaikan maklumat mengenai isu-isu semasa, dasar kerajaan dan dalam masa yang sama untuk menerima maklumat balas yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Bahagian Cawangan Daerah pagi tadi

mengadakan Program Sua Muka bagi Kampung Telisai, Mukim Telisai, Daerah Tutong bertempat di Dewan Sekolah Rendah Tumpuan Telisai.

Hadir mengetuai rombongan Jabatan Penerangan ialah Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Izzah Hazirah binti Haji Adi Othman selaku Pemangku Ketua Bahagian Cawangan Daerah disertai oleh beberapa pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

## Kongsi perkembangan, cabaran dalam perspektif keselamatan sosial

Siaran Akhbar dan Foto : Tabung Amanah Pekerja

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 5 Disember. - Tabung Amanah Pekerja (TAP) baru-baru ini menghadiri International Social Security Association (ISSA) Regional Social Security Forum for Asia and the Pacific (RSSF Asia-Pacific) yang diadakan bermula 3 hingga 5 Disember 2024 di Riyadh, Arab Saudi.

Forum yang dihoskan oleh General Organization for Social Insurance (GOSI), Arab Saudi itu adalah satu platform bagi pakar-pakar keselamatan sosial mengongsikan pendekatan yang universal, berdaya tahan dan mencukupi dalam konteks keselamatan sosial yang kian berkembang.

Rombongan TAP terdiri daripada Pengarah Urusan, Awang Haji Md. Adfarul bin Haji Maz Adanan serta pegawai-pegawai TAP.

Sesi forum itu diisikan dengan perkongsian

perkembangan, kepentingan serta cabaran yang dihadapi dalam perspektif keselamatan sosial di Rantau Asia Pasifik.

Pada forum tersebut, TAP juga dianugerahkan dengan ISSA Good Practice Award for Asia and the Pacific Competition 2024 Certificate of Merit di bawah tajuk Transforming Brunei's Retirement Landscape: National Retirement Scheme.

Anugerah tersebut disampaikan oleh Presiden ISSA, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed kepada Pengarah Urusan TAP.

Anugerah ini merupakan pengiktirafan peringkat antarabangsa bagi penambahbaikan dan juga reka bentuk Skim Persaraan Kebangsaan (SPK) untuk mencapai kedayatahanan, inklusiviti dan memastikan anuiti sehingga sepanjang hayat kepada ahli-ahli yang produktif.

Forum diteruskan pada hari

berikutnya dengan pembentangan berkaitan dengan amalan terbaik dan pendekatan yang inovatif dalam mendokong objektif keselamatan sosial melalui kaedah dan perkhidmatan yang disediakan.

TAP juga turut menyampaikan pembentangan yang disampaikan oleh Pengarah Urusan TAP mengenai Transforming Brunei's

Retirement Landscape: National Retirement Scheme, yang memperkenalkan SPK serta langkah-langkah yang telah diambil untuk mempertingkatkan kecukupan persaraan dan memastikan bahawa ia akan sentiasa dapat menghadapi cabaran-cabaran ekonomi, pelaburan serta demografi di Negara Brunei Darussalam.

ISSA telah ditubuhkan pada tahun 1927 di bawah naungan International Labour Organization (ILO) yang berpusat di Geneva, Switzerland dan adalah sebuah organisasi antarabangsa terkemuka di dunia berkaitan keselamatan sosial. Kini, ISSA mempunyai lebih 320 ahli institusi dari lebih 160 buah negara.



TABUNG Amanah Pekerja (TAP) menerima anugerah ISSA Good Practice Award for Asia and the Pacific Competition 2024 Certificate of Merit di bawah tajuk Transforming Brunei's Retirement Landscape: National Retirement Scheme.

### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 1.'Merokok Membahayakan Diri, Keluarga dan Negara'. Tarikh Tutup : 11 Disember 2024
- 2.'Membina Keluargaku Harapanku'. Tarikh Tutup : 18 Disember 2024
- 3.'Perkenalkan Makanan Tempatan Ke Peringkat Antarabangsa'. Tarikh Tutup : 25 Disember 2024

### TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

### SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

**MINDA PEMBACA**

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

- 1.'Merokok Membahayakan Diri, Keluarga dan Negara'. Tarikh Tutup : 11 Disember 2024
- 2.'Membina Keluargaku Harapanku'. Tarikh Tutup : 18 Disember 2024
- 3.'Perkenalkan Makanan Tempatan Ke Peringkat Antarabangsa'. Tarikh Tutup : 25 Disember 2024

**TERMA DAN SYARAT :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

**Menangi BND75**  
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



# ST. JOHN'S SCHOOL HULUR SUMBANGAN KEPADA DANA

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 4 Disember. - Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim (DANA) menerima sumbangan keseluruhan berjumlah BND1,311.36 daripada St. John's School yang disampaikan oleh

SUMBANGAN diterima oleh Penolong Pengarah Urusan YSHHB, Mejari (B) Sopian bin Haji Mohammad Yassin bagi mewakili Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif DANA.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Senior Master of Administration, Matthew Lim Toh Loy.

Sumbangan tersebut merupakan 5 peratus daripada hasil kutipan Acara Walkaton yang telah diadakan pada 16 November 2024 lalu.

Majlis diadakan di Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), Jalan Jerambak.

Sumbangan tersebut diterima

oleh Penolong Pengarah Urusan YSHHB, Mejari (B) Sopian bin Haji Mohammad Yassin bagi mewakili Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif DANA.

DANA sangat menghargai sokongan dan derma daripada para dermawan bagi sama-sama membantu DANA dalam usahanya untuk mempertingkatkan kesejahteraan hidup anak-anak yatim di Negara Brunei Darussalam.

## CMV Vasco Da Gama-Nicko singgah di NBD



KAPAL Persiaran CMV Vasco Da Gama-Nicko mengadakan lawatan ke Negara Brunei Darussalam (NBD) setelah tiba dari Semarang Indonesia dengan membawa 627 penumpang dan 496 anak kapal, ketibaan para penumpang dimeriahkan dengan Persembahan Hadrah (kiri dan kanan).

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 4 Disember. - Kapal Persiaran CMV Vasco Da Gama-Nicko buat julung kalianya mengadakan lawatan ke Negara Brunei Darussalam (NBD) setelah tiba dari Semarang, Indonesia dengan membawa 627 penumpang dan 496 anak kapal.

Ini menandakan kapal persiaran antarabangsa kelapan melawat NBD pada tahun 2024.

Persinggahan kapal itu menawarkan peluang kepada penumpang untuk meneroka tarikan ikonik negara sebelum meneruskan perjalanan ke Kota Kinabalu, Sabah.

Ketibaan para penumpang disambut dengan Persembahan Hadrah, memberikan suasana meriah pada hari tersebut. Mereka telah dibawa melawat ke tempat yang menarik termasuk Muzium

Alat Kebesaran Diraja, Jame' Asr Hassanal Bolkiah, Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Istana Nurul Iman dan Kampong Ayer.

Semasa lawatan singkat ini, mereka juga telah menikmati pelbagai juadah dan minuman tempatan serta berpeluang membeli cenderahati asli NBD.

Para penumpang berkongsikan tanggapan mereka tentang daya tarikan dan keindahan NBD yang unik. Hubertus dari Munich, Jerman menyatakan akan

kekagumannya terhadap landskap yang menakjubkan dan menggambarkan NBD sebagai negara yang sangat istimewa.

Sementara salah seorang penumpang dari Jerman, Birgit mendapati NBD sebagai sebuah negara yang indah selepas menerokai ibu negara. Manakala penumpang yang lain, Alfred juga turut mengongsikan pengalamannya melawat ibu negara di mana beliau telah melawat tempat-tempat yang

sangat menarik di kawasan tersebut.

Ketibaan berterusan kapal persiaran antarabangsa menyerlahkan lagi daya tarikan negara yang semakin meningkat sebagai destinasi pelayaran utama. Pada tahun 2024, lapan kapal persiaran telah berlabuh di perairan negara dan Jabatan Kemajuan Pelancongan menjangkakan tiga panggilan tambahan ketibaan kapal persiaran sebelum tahun ini berakhir.



### PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi  
Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PHD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah  
PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- ✓ Tamat Persekolahan  
bagi pemohon yang memamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja



### PANDUAN HUATNAIK DOKUMEN

- ✓ Maklumat Peribadi  
Kad Pengenalan / Pasport / Gambar Terkini
- ✓ Maklumat Lesen Memandu
- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi  
Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
- ✓ Tamat Persekolahan  
(Sijil berlebihan Sekolah)



## ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?



### PANDUAN PENGALAMAN KERJA

- ✓ Pengalaman Kerja Kerajaan  
memandakan "x" pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakang / pengesahan profil pegawai kakitangan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mula dalam tanda gaji / tanda gaji / nama jawatan yang betul
- ✓ Pengalaman Kerja Swasta
- ✓ Pengalaman Kerja Beruniform
- ✓ Pengalaman Bekerja Sendiri
- ✓ Penempatan Kerja
- ✓ Tidak Bekerja



### PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESIONAL

- ✓ Kelayakan Profesional
- ✓ Peperiksaan Kesetiausahaan
- ✓ Kemahiran Bahasa
- ✓ Lain-Lain Kemahiran



### PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS

- ✓ Peperiksaan Kerajaan
- ✓ Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)
- ✓ Kursus Induksi Perkhidmatan Awam
- ✓ Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)
- ✓ Program Pembangunan Eksekutif



**BARU**

# PEMENANG PERTANDINGAN VIDEO KESELAMATAN SIBER DIRAIKAN

Siaran Akbar dan Foto : Cyber Security Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 5 Disember. - Pelajar-pelajar dari Negara Anggota ASEAN dan Jepun telah menerima pengiktirafan semasa Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Video Keselamatan Siber ASEAN-Jepun 2024 yang diadakan pada Mesyuarat Dasar Keselamatan Siber ASEAN-Jepun Ke-17 yang berlangsung di Singapura, baru-baru ini.

Pertandingan ini merupakan inisiatif Cyber Security Brunei (CSB) kerana Negara Brunei Darussalam (NBD) kini merupakan negara peneraju untuk aktiviti kerjasama kesedaran bersama di bawah Kerjasama Keselamatan Siber ASEAN-Jepun.

Negara anggota masing-masing telah menyerahkan video buatan pelajar yang menyampaikan mesej keselamatan siber tertentu.

Pada bulan September lalu, CSB menjadi tuan rumah acara penghakiman yang dihadiri oleh wakil dari negara anggota ASEAN (AMS) dan perwakilan diplomatik Jepun yang berkhidmat sebagai hakim. Mewakili NBD adalah terdiri dari Brunei Cyber Security Association (BCSA).

Para hakim telah menyemak semua video yang diserahkan dan memberikan markah berdasarkan kejelasan mesej keselamatan siber, kreativiti dan kualiti video tersebut. Sebanyak 10 video yang diserahkan telah dipamerkan semasa Mesyuarat Dasar Keselamatan Siber ASEAN-Jepun



## Peluang sertai Kursus Intensif Takhrij Hadith

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali  
Infografik : Ihsan Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 5 Disember. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat telah membuka pendaftaran bagi Kursus Intensif Takhrij Hadith.

Kursus ini akan diadakan selama lima hari bermula 19 Januari hingga 23 Januari 2025 pada pukul 7.00 malam hingga 9.00 malam secara dalam talian melalui platform Zoom.

Fasilitator kursus adalah terdiri daripada pakar-pakar dalam bidang Ilmu Hadith, Universiti Al-Azhar, Mesir dengan menggunakan bahasa pengantar iaitu bahasa Arab.

Pihak UNISSA sukacita mengalu-alukan penyertaan daripada pegawai dan kakitangan jabatan-jabatan kerajaan, Alumni Universiti Al-Azhar, Mesir; Alumni UNISSA dan orang ramai yang berminat untuk menyertainya. Tarikh akhir pendaftaran adalah pada Khamis, 26 Disember 2024 Masihi.

Bagi yang ingin mengetahui lebih lanjut mengenai program tersebut, boleh mengimbas Kod QR yang tertera di dalam infografik yang disediakan.

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai kursus ini, bolehlah menghubungi Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat, UNISSA menerusi talian WhatsApp ke nombor +673 8254374 atau e-mel C4L@unissa.edu.bn.

PERTANDINGAN Video Keselamatan Siber ASEAN-Japan 2024 merupakan inisiatif Cyber Security Brunei (CSB) untuk aktiviti kerjasama kesedaran bersama di bawah Kerjasama Keselamatan Siber ASEAN-Jepun.

Ke-17 di Tokyo, Jepun.

Hadir bagi menyampaikan anugerah kepada wakil setiap AMS ialah Pesuruhjaya Interim, Awang Shamsul Bahri bin Haji Khamis.

Juara pertandingan disandang oleh Malaysia dengan tajuk 'Inside the Mind of a Hacker : A Cybersecurity Journey'. Pelajar Asia Pacific University, Yew Choon Yuen memenangi hadiah wang tunai sebanyak USD2,000. Menerima anugerah bagi pihak pelajar tersebut ialah Shariffah Rashidah Syed Othman dari Agensi Keselamatan Siber Kebangsaan (NACSA) Malaysia.

Sementara itu, tempat kedua dimenangi oleh Myanmar dengan tajuk 'Social Media Safety', yang menekankan mengenai bahaya berkongsi maklumat peribadi dalam talian. Video tersebut dibuat oleh pelajar Universiti Seni dan Budaya Kebangsaan (Mandalay), Myat Shwe Sin Hmoe yang memenangi hadiah wang tunai USD1,500.

Hadiah ketiga dianugerahkan kepada Thailand dengan video bertajuk 'Just Fun', menggambarkan risiko dan kesan boli siber. Hadiah wang tunai



sebanyak USD1,000 telah dianugerahkan kepada Pongsakorn Saeaueng dari The Pattaya Redemptorist Technological College for People with Disabilities. Amorn Chomchey dari Agensi Keselamatan Siber

Kebangsaan Thailand menerima anugerah itu bagi pihak pelajar tersebut.

Orang ramai yang ingin menonton video tersebut bolehlah melayari di laman sosial rasmi Instagram CSB @CSB.gov.bn dan

saluran YouTube rasmi BruCERT di www.youtube.com/bruneicert. AMS dan Jepun akan menggunakan video tersebut untuk meningkatkan kesedaran tentang keselamatan siber di negara masing-masing.

**Anjuran Bersama**  
Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat  
Fakulti Usuluddin  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali  
Dan  
Rabithah Antarabangsa Alumni Al-Azhar (Negara Brunei Darussalam)  
**Dengan Kerjasama**  
Pertubuhan Antarabangsa Alumni Al-Azhar, Mesir

الدورة المكثفة في تخرج الحديث  
**KURSUS INTENSIF TAKHRIJ HADITH**

### Objektif

- Meningkatkan kompetensi keilmuan para peserta dalam bidang takhrij hadith
- Memperkasa kefahaman para peserta berkaitan kaedah penilaian status hadith
- Mendedahkan kepada para peserta tentang kemudahan yang tersedia bagi penggunaan aplikasi elektronik dalam pentakhrijan hadith

### Maklumat

- Tarikh :** 19 Januari 2025 - 23 Januari 2025  
**Hari :** Ahad - Khamis  
**Jam :** 7:00 malam - 9:00 malam

Fasilitator : Terdiri daripada pakar-pakar dalam bidang Ilmu Hadith, Universiti Al-Azhar, Mesir

Bahasa Penghantar : Bahasa Arab

Sijil penyertaan akan diberikan oleh Pertubuhan Antarabangsa Alumni Al-Azhar, Mesir

### SCERA DALAM TALIAN MELALUI ZOOM

Bilik kuliah akan disediakan bagi pengajian secara dalam talian  
(Tertakluk kepada keramaian peserta)

Sila Imbas Kod QR Untuk Maklumat Lanjut



# PERPUSTAKAAN DBP MERIAHKAN CUTI SEKOLAH

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad  
Foto : Ihsan Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sengkurong

**SENGKURONG**, Khamis, 5 Disember. - Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sentiasa komited dalam menyediakan aktiviti-aktiviti yang menyeronokkan dan bermanfaat untuk orang ramai.

Program cuti sekolah secara umumnya bertujuan bagi mengisi waktu lapang semasa cuti sekolah dengan aktiviti yang tidak hanya menghiburkan tetapi juga mendidik dan mengembangkan potensi mereka dalam pelbagai aspek.

Justeru, Perpustakaan DBP Cawangan Sengkurong telah mengadakan pelbagai aktiviti sejak 2 Disember lalu termasuk aktiviti memasak iaitu Dapur Sengkurong.

Aktiviti tersebut bertujuan untuk membawa komuniti bersama-sama dalam suasana yang menyeronokkan dan penuh kreativiti sambil mempelajari

kemahiran baharu. Para peserta ditunjuk ajar dengan pembuatan Kek Oreo oleh Ahli Remaja Perpustakaan Sengkurong, Dayang Naqiqiyah Nazqa binti Mohd. Aminnezam.

Lebih 60 penyertaan telah mengikuti aktiviti berkenaan yang juga berkesempatan menyertai dalam aktiviti bercerita perpustakaan iaitu menyampaikan aktiviti bercerita dengan menggunakan buku pilihan, lakonan dan teknik suara di hadapan kanak-kanak dan ahli-ahli perpustakaan.

Sesi tersebut juga dimeriahkan dengan pembawaan cerita dengan menggunakan boneka, prop dan sebagainya agar ia lebih menarik lagi.


Pelbagai aktiviti menarik telah disusun bagi Program Cuti Sekolah Penggal Ketiga bermula pada 2 hingga 16 Disember 2024 dan

**PERPUSTAKAAN** Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) menyediakan aktiviti-aktiviti yang menyeronokkan dan bermanfaat untuk orang ramai bermula pada 2 hingga 16 Disember 2024 (kanan dan bawah kiri).



Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia Sila muat turun

**PenggunaBijak**



## Musang Tenggalung / Malayan Civet

**Nama Binatang :**  
Musang Tenggalung / Malayan Civet

**Nama Tempatan :**  
Musang Tenggalung

**Nama Saintifik :**  
Viverra tangalunga

Maklumat disediakan oleh : Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

D ALAM edisi Kenali Hidupan Liar Kitani bulan ini, kita menjelajahi dunia mamalia yang menarik, khususnya Musang Tenggalung atau Malayan Civet, yang dikenali secara saintifik sebagai Viverra tangalunga.

Musang Tenggalung adalah mamalia kecil nokturnal yang ditemui di Asia Tenggara, mempunyai badan yang ramping dengan panjang sekitar 50 sentimeter hingga 70 sentimeter, termasuk ekor berbulu panjangnya yang menambah daripada 40 sentimeter hingga 60 sentimeter bagi panjang keseluruhan saiznya. Tingginya adalah sekitar 35 sentimeter hingga 40 sentimeter dengan beratnya antara 2.5 kilogram hingga 5 kilogram. Bulu musang tenggalung kebanyakannya berwarna coklat gelap atau hitam, dengan tompok-tompok

**Order :** Carnivora

**Kelas Spesies :** Mammals

**IUCN :** Least Concern / Kurang dikhuatir

**CITES :** Not Listed

kelabu atau putih pada muka, leher, dan bahagian bawahnya. Musang tenggalung mempunyai struktur muka yang khas dengan hidung yang runcing dan sepasang mata bulat besar dengan pupil yang menegak, ini membolehkan ia mampu melihat dengan baik pada waktu siang dan malam.

Musang tenggalung adalah haiwan omnivor, terutamanya memakan buah-buahan seperti beri, buah tin, dan buah-buahan berisi. Mereka dapat memakan pulpa buah dengan meninggalkan biji-bijian, bagi membantu dalam penyebaran biji benih. Musang tenggalung juga memakan serangga-serangga, vertebrata-vertebrata kecil dan kadang-kadang menjadi pemakan bangkai sebagai sumber makanan.

Musang tenggalung, kadang-kadang dipanggil 'kucing kopi', memainkan peranan dalam menghasilkan salah satu kopi yang paling mahal dan dicari di dunia, Kopi Luwak. Kopi unik ini dihasilkan apabila musang memakan buah kopi dan kemudian mengeluarkannya, menghasilkan bijian kopi



**Sumber Foto :** Awang Haji Mohamed Ismail bin Awang Haji Metussin, BWPC 2022, JPH

yang telah sebahagiannya dicernakan.

Musang tenggalung kadang-kadang diburu untuk dimakan dan dianggap sebagai perosak kerana reputasinya dalam merosakkan ternakan ayam. Selain itu, ia menghadapi ancaman daripada penebangan hutan, terutamanya akibat aktiviti pembalakan dan pembukaan tanah hutan untuk ladang kelapa sawit.

Musang tenggalung kini disenaraikan sebagai 'Least Concern' dalam Senarai Buku Merah Kesatuan Antarabangsa untuk Konservasi Alam Semula Jadi (IUCN) dan tidak disenaraikan dalam Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies

Terancam (CITES), kerana ia agak tersebar luas, dan nampaknya toleran terhadap habitat yang telah terdegradasi, serta terdapat di beberapa kawasan-kawasan yang dilindungi.

Sekian sahaja untuk edisi Kenali Hidupan Liar Kitani pada kali ini. Sila ikuti setiap keluaran bulanan Kenali Hidupan Liar Kitani dan bagi melihat foto-foto spesies hidupan liar kitani yang telah dipaparkan dan maklumat lanjut berkenaan spesies tersebut, sila layari dan ikuti akaun Instagram Jabatan Perhutanan : *forestry.brunei*. Lindungi hidupan liar kitani untuk memulihara hutan kitani.



## STEC 2024 menginspirasi generasi akan datang

Rencana dan Foto : Ihsan Kementerian Pendidikan

**S**TEM Exploration Camp (STEC) 2024 telah mengumpulkan 180 pelajar dari Negara Brunei Darussalam (NBD), Malaysia, dan Indonesia. Berlangsung di Sekolah Kebangsaan Pekan Menumbok, Sabah, Malaysia, dari 29 November hingga 2 Disember 2024, program selama tiga hari ini merupakan aktiviti kokurikulum yang dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Sabah dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Sabah; Institut Pendidikan Guru Kampus Keningau; Institut Pendidikan Guru Kampus Kent, Sabah; Universiti Malaysia Sabah; dan Persatuan Guru Besar Malaysia (PGMB) Sabah di bawah pengelolaan Sekolah Kebangsaan Pekan Menumbok bagi tahun 2024.

### Kerjasama antarabangsa untuk masa depan inovatif

Mewakili NBD, peserta terdiri daripada dua pegawai dari Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, bersama enam orang guru dan 30 orang pelajar dari sekolah-sekolah yang terdiri daripada Sekolah Rendah Rataie, Sekolah Rendah Mentiri, Sekolah Rendah Rimba II, Sekolah Rendah Awang Haji Mohd. Yusof Katimahar, Sekolah Rendah Lamunin, dan Sekolah Rendah Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddien, Belait. Antara tujuan program ini diadakan adalah untuk membudayakan Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM) dalam kalangan murid di sekolah-sekolah. Selain itu, penganjuran kem di peringkat antarabangsa juga memberikan peluang kepada murid-murid untuk lebih aktif bersaing di peringkat yang lebih tinggi serta menimba pengalaman yang bermakna dalam aktiviti luar bilik darjah.

### Aktiviti inovatif : Gabungan pembelajaran, pengalaman bermakna

STEC 2024 diisikan dengan aktiviti secara praktikal yang mencabar dan menginspirasi. Para pelajar telah mengambil bahagian dalam :

- Aktiviti Ice Breaking yang berfokus kepada kemahiran saintifik dan konsep sains.

- Pertandingan Inquiry-Based Science Education (IBSE) untuk meningkatkan pemikiran kritis.
- Aktiviti Micro:Bit, yang menggalakkan komunikasi inovatif dan penyelesaian masalah melalui teknologi digital.
- Projek Engineering Design Process (EDP) yang mendorong kreativiti dan kerja berpasukan.

Kempenyertaan ini tidak hanya memberikan pengalaman pembelajaran yang memperkaya tetapi juga meraikan kejayaan mereka. Dalam satu pencapaian yang membanggakan, sekumpulan pelajar dari NBD, Malaysia, dan Indonesia (Kumpulan 2) muncul sebagai juara keseluruhan STEC 2024, meraih tempat pertama. Pencapaian ini menunjukkan semangat kerja berpasukan yang luar biasa dan usaha kolektif mereka untuk mencapai kejayaan.

Selain itu, satu lagi kumpulan pelajar yang turut disertai oleh pelajar NBD bersama rakan mereka dari Malaysia dan Indonesia berjaya meraih tempat kedua dalam pertandingan IBSE. Usaha kolektif ini menyerlahkan semangat kerja berpasukan dan pengaplikasian kemahiran pemikiran kritis yang telah dipupuk sepanjang kem ini.

Mengulas mengenai aktiviti EDP, Dr. Chiam Sun May, seorang pensyarah dari Institut Pendidikan Guru Kampus Kent yang mengetuai sesi tersebut, menyatakan :

"Melalui projek EDP dan penggunaan buku nota sains, pelajar-pelajar dari Brunei Darussalam menunjukkan asas yang kukuh dalam pendekatan EDP dan mampu mengaplikasikannya dengan berkesan dalam penyelesaian masalah. Mereka juga mahir menggunakan buku nota sains, mendokumentasikan pemerhatian dan penemuan mereka seperti saintis sebenar".

Pemerhatiannya memperlihatkan tahap persediaan yang tinggi dalam kalangan pelajar NBD dan menekankan keupayaan mereka untuk mengaplikasikan ilmu STEM dalam konteks dunia sebenar.

Aktiviti-aktiviti ini dirancang dengan teliti untuk memberikan pengalaman bermakna kepada pelajar NBD sambil memperluaskan batasan pembelajaran di luar bilik darjah konvensional.

### Perspektif peserta

Program ini menerima ulasan positif daripada pelajar dan guru dari NBD. Awang Abas bin Haji Ali, guru dari Sekolah Rendah Lamunin berkata pelajar dari Brunei yang menyertai STEM Camp Exploration di Kuala Penyu terdedah kepada persekitaran pembelajaran yang dinamik dan interaktif, yang menggalakkan mereka meneroka STEM melalui aktiviti dan cabaran penyelesaian masalah. Kerjasama dengan delegasi dari negara-negara serantau jelasnya, memperluaskan perspektif mereka, memupuk pemikiran global, dan meningkatkan penghargaan mereka terhadap bidang STEM.

Sementara itu, Awang Mohamad Syahril bin Norudin, guru dari Sekolah Rendah Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddien, pula menjelaskan semasa STEC 2024 di Sekolah Kebangsaan Pekan Menumbok, beliau sangat terinspirasi melihat seorang guru dari Kota Kinabalu membimbang pelajar-pelajar beliau dalam aktiviti STEM yang menyeronokkan dan interaktif. Melihat semangat kerja berpasukan dan kegembiraan mereka mencipta kenangan yang amat bermakna dan akan dihargai selamanya.

Dayang Nur Arisyah Syifa binti Muhd. Norzairi, pelajar dari Sekolah Rendah Rimba II turut mengongsikan pengalaman yang sangat bermakna baginya.

"Kami dibahagikan kepada kumpulan dengan peserta dari negara yang berbeza, yang mengajar kami tentang kerja berpasukan dan kepentingan kepelbagaiannya. Aktiviti seperti eksperimen tekanan air dan membina robot yang dapat mengesan cahaya dan suhu bukan sahaja menyeronokkan tetapi juga mendidik. Menjadi penerima anugerah 'Peserta Pelajar Perempuan Terbaik STEC 2024' adalah kemuncak perjalanan saya sebagai pelajar Brunei," ujarnya.

Seorang lagi peserta pelajar dari NBD, Dayang Nur Hazarena Alina binti Abdullah dari Sekolah Rendah Awang Haji Mohd. Yusof Katimahar menjelaskan, ini adalah

pengalaman pertamanya menghadiri kem STEM. Beliau sangat gembira dapat berjumpa rakan baharu dari Malaysia dan Indonesia. Mereka belajar banyak perkara baharu seperti Micro:Bit. Dalam Micro:Bit, beliau belajar bahawa jika kereta tidak berfungsi atau bergerak, kita tidak boleh berputus asa. Kita boleh memikirkan, menyesuaikan apa yang salah, dan mencubanya semula. Pengalaman ini memberi beliau motivasi untuk terus berusaha dan belajar lebih banyak tentang STEM.

### Platform untuk perkembangan profesional

Kem ini bukan sahaja bermanfaat untuk pelajar dari NBD, tetapi juga untuk guru-guru. Guru-guru dari NBD berpeluang berinteraksi dengan guru-guru dari negara jiran seperti Malaysia dan Indonesia, bertukar amalan terbaik, serta mendapatkan pandangan tentang kaedah pengajaran yang berbeza. Pengalaman ini memberikan guru-guru Brunei inspirasi baharu untuk memperkayakan pembelajaran STEM di bilik darjah mereka.

### Mengukuhkan hubungan serantau melalui STEM

STEC 2024 mengukuhkan potensi kerjasama dan inovasi dalam membentuk minda muda, khususnya di rantau ini. Dengan menggabungkan cabaran akademik dan pertukaran budaya serantau, program ini menginspirasi pelajar untuk melihat STEM bukan hanya sebagai mata pelajaran tetapi juga sebagai alat penting untuk memberi impak bermakna kepada masyarakat, termasuk di Brunei Darussalam.

Kejayaan program ini mengukuhkan kepentingan inisiatif seperti ini dalam menyediakan pemimpin masa depan yang inovatif, berdaya tahan, dan berpandangan jauh. Seiring dengan perkembangan dunia, program seperti STEC akan terus memainkan peranan penting dalam membekalkan generasi muda serantau dengan kemahiran dan pengetahuan untuk menghadapi cabaran masa depan.





# OKU juga berperanan penting dalam perkembangan masyarakat, negara

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman  
Foto : Jabatan Penerangan

**D**i negara kita Brunei Darussalam, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan penguatkuasaan Perintah Orang Kurang Upaya 2021 Dan Perintah Akta Pencen Umur Tua Dan Kurang Upaya (Pindaan) 2021.

Sesungguhnya peruntukan undang-undang itu merupakan satu tanda rasa penting bagi golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) di Negara Brunei Darussalam (NBD) di mana kesejahteraan dan perlindungan OKU telah diberi keutamaan yang tinggi dalam agenda kebangsaan.

Akta Orang Kurang Upaya 2021, pihak kerajaan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan telah menyediakan satu platform Sistem Pendaftaran Kebangsaan OKU bagi pengumpulan data yang bertujuan untuk memantau golongan OKU di negara ini. Setakat ini seramai 1,536 orang OKU telah didaftarkan ke dalam Pendaftaran Kebangsaan OKU.

Kita selaku masyarakat seharusnya lebih empati ataupun memahami mengenai cabaran yang berkaitan dengan OKU, ini memandangkan setiap individu itu memainkan peranan penting dalam memastikan golongan OKU tidak diketepikan.

Justeru, golongan OKU ini hendaklah difahami, dibantu dan dibimbing supaya mereka berasa dikasihi dan tidak berasa disisihkan oleh masyarakat agar mereka dapat menjalani dan meneruskan kehidupan ini dengan lebih baik dan lebih sejahtera.

"*Daripada Abdullah bin Amru Radiallahu Anhuma, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :*

*Orang-orang yang mengasih itu akan dikasihi oleh Yang Maha Pengasih, oleh kerana itu, kasihlah siapa yang ada di bumi, nescaya kamu akan dikasihi oleh yang ada di langit". (Hadis Riwayat Imam Termizi).*

Selain itu, sebarang stigma mahupun sangkaan buruk terhadap golongan OKU di kalangan masyarakat kita perlu dikikis kerana kita harus menyedari bahawa golongan OKU juga berkeupayaan untuk menimba ilmu dan hidup berdikari dalam komuniti.

Kesedaran masyarakat terhadap pelbagai jenis ketidakupayaan ini amat penting, terutamanya mereka yang terkesan dengannya, kerana ini membolehkan ketidakupayaan ini difahami dan ditangani dengan sebaiknya dan tidak dikesampingkan, atau isu OKU itu sendiri ditanggapi dengan pandangan yang salah.

Sebenarnya isu OKU ini perlu ditanggapi melangkau lebih daripada perspektif kebajikan dan bantuan langsung, walaupun itu perlu. Masyarakat perlu dididik untuk melihat isu ini secara menyeluruh, merangkumi hak mereka sebagai sebahagian daripada masyarakat, memberikan mereka kesamarataan dalam peluang dan aspirasi, memudahkan mereka dalam aksesibiliti baik secara fizikal agar mereka boleh hidup secara normal seperti orang lain dan dapat mandiri. Ini penting memandangkan mereka tidak memilih untuk menjadi OKU tetapi ia adalah suratan takdir.

Bulan Disember adalah bulan bagi memperingati golongan OKU bukan sahaja di NBD malahan juga bagi memperingati golongan OKU di seluruh dunia.

Hari khusus bagi OKU ini diabadikan dalam kalender untuk mengingatkan kita semua mengenai situasi orang kurang upaya dalam setiap aspek kehidupan sosial, ekonomi dan budaya, dan meraikan hak-hak dan kesejahteraan OKU dalam semua ruang lingkup masyarakat dan pembangunan.

Alhamdulillah, NBD adalah sebuah negara yang sentiasa mengelilingi seluruh lapisan rakyatnya apatah lagi terhadap golongan OKU. Justeru, pada setiap 3 Disember, kita di NBD menyambut Hari Antarabangsa OKU sebagai tanda penghargaan di atas inisiatif-inisiatif dan pencapaian OKU dalam perkembangan serta penglibatan dan sumbangan mereka dalam masyarakat dan juga negara.

Selain itu, sambutan ini juga diadakan sebagai usaha untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap cabaran-cabaran dalam kehidupan yang dihadapi oleh golongan OKU di samping memperingatkan kita bahawa mereka juga adalah elemen penting dalam perkembangan masyarakat dan negara. Tema bagi Sambutan Hari Antarabangsa OKU pada tahun ini adalah 'Memperkasa Kepimpinan Orang Kelainan Upaya Untuk Masa Depan Yang Inklusif dan Mampan' (*Amplifying the Leadership of Persons With Disabilities for An Inclusive and Sustainable Future*).

Antara pencapaian yang dapat dilihat adalah peningkatan kesedaran awam mengenai penyertaan golongan OKU dalam pasaran pekerjaan, dan kita amat menyambut baik usaha berterusan agensi kerajaan, khususnya pihak Sekretariat Tetap Manpower Planning Employment Council (MPEC), Jabatan Perdana Menteri. Sewaktu Ekspo Kerjaya 2023 tahun lepas, pihak MPEC, telah mengusahakan sejumlah 66 peluang pekerjaan khusus bagi golongan OKU yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat swasta. Ini setentunya mendukung hasrat negara agar golongan OKU diberi peluang yang sama dengan masyarakat awam.

Manakala daripada segi pendidikan, Alhamdulillah negara sedang menuju ke arah pendidikan secara holistik, yang mana Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan telah melancarkan Buku Rangka Kerja dan Buku Panduan Pendidikan Khas Bagi Ibu Bapa dan Guru-Guru pada

2 Februari 2023 yang digunakan sebagai panduan menilai tahap keperluan pendidikan seseorang murid dan intervensi yang diperlukan bagi memastikan akses pendidikan mereka tidak terjejas. Dalam pada itu, Sekolah Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam juga telah didaftarkan sebagai institusi pendidikan swasta yang julung kali menyediakan pendidikan khas bagi kanak-kanak OKU di peringkat tadika dan rendah.

Kesimpulannya, agama Islam adalah agama rahmat merentasi dan melangkui batas keturunan, warna kulit, bangsa maupun kedudukan. Agama Islam yang kita anuti ini tidak pernah membezakan antara yang kaya dengan yang miskin dan tidak pernah menyisihkan umatnya sama ada yang dilahirkan sempurna ataupun yang dilahirkan dengan kelainan upaya.

Kerana itu, sehebat mana pun seseorang itu sama ada daripada segi pangkat, keturunan ataupun daripada segi paras rupanya, namun ia bukanlah menjadi kayu pengukur dan penilaian utama di sisi Allah Subhanahu Wata'alá melainkan hati yang ikhlas dan ketakwaan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'alá.

"*Daripada Abu Hurairah Radiallahu Anhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : Sesungguhnya Allah tidak memandang kepada rupa dan harta kamu, tetapi Allah memandang kepada hati dan amalan". (Hadis Riwayat Imam Muslim).*

Semoga dengan adanya Sambutan Hari Antarabangsa OKU ini, ia dapat memberikan pencerahan dan kesedaran kepada masyarakat umum mengenai tanggungjawab kita dalam menyantuni setiap golongan OKU di mana saja mereka berada terutamanya di NBD. Di samping itu, marilah kita sentiasa memupuk rasa syukur di dalam jiwa dan sanubari kita atas segala nikmat yang telah Allah Subhanahu Wata'alá kurniakan kepada kita semua.



## 2 WARGA TEMPATAN DITAHAN MILIKI BARANG TEGAHAN

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



**HASIL** pemantauan dari Balai Polis Bangar, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) berjaya merampas sebanyak 24 botol minuman keras dan 50 karton rokok.

**TEMBURONG**, Rabu, 4 Disember. - Sebanyak 24 botol minuman keras dan 50 karton rokok berjaya dirampas hasil pemantauan dari Balai Polis Bangar, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB). Kejadian tersebut berlaku berikutan maklumat yang diterima mengenai satu kegiatan penyeludupan.

Pemantauan telah dijalankan di kawasan penurunan Kampung Buda-Buda, Temburong iaitu pada sekitar pukul 11.30 malam baru-baru ini dan mendapati sebuah kenderaan berwarna putih dan dua lelaki warga tempatan dipercayai menjalankan aktiviti mencurigakan, lalu ditahan oleh pihak polis kerana memiliki barang tegahan.

Kesemua barang tegahan serta dua suspek ditahan di Balai Polis Bangar, untuk siasatan selanjutnya. PPDB ingin mengingatkan orang ramai adalah menjadi satu kesalahan memiliki barang tegahan kerana ia boleh memberi impak negatif kepada masyarakat di negara ini.

Oleh itu, jika mempunyai sebarang maklumat mengenai kegiatan jenayah adalah disarankan untuk menyalurkan maklumat ke balai polis berdekatan atau melalui Talian Kecemasan Polis, 993.

## Pemantauan banjir di Daerah Belait terus dilaksanakan

■ Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali  
Foto : Ihsan Jabatan Bomba dan Penyelamat

**BELAIT**, Khamis, 5 Disember. - Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) terus membuat pemantauan di kawasan di Daerah Belait yang masih lagi terjejas oleh banjir.

Menurut Laporan Pemantauan Banjir di Daerah Belait yang disediakan oleh JBP setakat 5 Disember 2024 sebelah pagi tadi,



**HASIL** pemantauan banjir di Daerah Belait mendapat dua buah rumah terjejas dan sebahagian jalan tidak dapat dilalui oleh kenderaan jenis salon dan 4x4 (four wheel drive).

SET Berus Pembersih (Spout Cleaning Brush Set) didapati diperbuat daripada bulu khinzir.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 4 Disember. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah (JHES) telah menerima aduan mengenai Set Berus Pembersih (Spout Cleaning Brush Set) yang didapati diperbuat daripada bulu khinzir.

Oleh yang demikian, bagi menjaga kemaslahatan masyarakat Islam di negara ini, JHES menyarankan para pemilik dan pengurus premis-premis perniagaan di negara ini supaya mengasingkan berus tersebut dengan serta-merta daripada penjualan kepada orang awam.

Dalam pada itu, para pengguna beragama Islam di negara ini adalah dinasihatkan agar tidak membeli dan menggunakan Set Berus Pembersih tersebut.

Sehubungan itu, KHEU ingin mengingatkan para pemilik, pengurus, pengusaha, peniaga, pembekal dan pengimport produk dan barang gunaan di negara ini supaya sentiasa berwaspada dan lebih peka terhadap produk-produk dan barang gunaan import yang akan dijual kepada orang ramai di pasar raya atau kedai masing-masing dengan memastikan produk-produk yang




■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

halal dan suci tidak bercampur dengan produk yang tidak halal.

Peringatan ini adalah demi menjaga maslahat masyarakat Islam di negara ini supaya tidak terjebak daripada mengambil dan menggunakan produk dan barang gunaan yang tidak halal. KHEU menghargai dan mengucapkan terima kasih kepada orang ramai atas maklumat tentang penjualan produk import tersebut.

Sebarang aduan serta perkongsian maklumat mengenai penjualan produk-produk tidak halal secara terbuka di premis-premis perniagaan di negara ini bolehlah disalurkan terus ke JHES melalui Bahagian Kawalan Makanan Halal dengan menghubungi Talian Hotline +673 7166222 atau mana-mana Pejabat Bahagian Kawalan Makanan Halal di setiap daerah.



# OPERASI KABAT JIPK DAPATI PELBAGAI KESALAHAN IMIGRESEN

DUA operasi penguatkuasa undang-undang di bawah Operasi Kabat JIPK 2024 yang menyasarkan beberapa lokasi di Negara Brunei Darussalam (kanan dan kanan sekali).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 4 Disember. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) menjalankan dua operasi penguatkuasa undang-undang di bawah Operasi Kabat JIPK 2024 yang menyasarkan beberapa lokasi di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Operasi Kabat 131/2024 telah pun dilaksanakan oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-undang, Cawangan Kuala Belait (KB). Manakala, Operasi Kabat 132/2024 pula dilaksanakan oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-undang, Bandar Seri Begawan (BSB).

Operasi Kabat 131/2024 menyasarkan kawasan Mukim Telisai dan hasil pemeriksaan dijalankan ke atas dua warganegara asing yang kemudiannya ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut, yang mana seorang individu dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 35(1), Peraturan Imigresen, Penggal 17, iaitu mengambil pekerja pesalang Imigresen. Manakala, seorang lagi daripadanya dipercayai melakukan kesalahan Peraturan 15(2),



■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

Peraturan Imigresen, Penggal 17, iaitu bekerja bukan dengan majikan asal.

Sementara Operasi Kabat 132/2024 yang menyasarkan tempat tinggal pekerja asing di Mukim Kilanas, Mukim Pengkalan Batu dan rumah sewa di Mukim Kota Batu mendapat seramai 12 orang daripada 36 warganegara asing yang diperiksa telah pun ditahan dan di bawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut.

Empat warganegara asing berkenaan gagal mengemukakan sebarang dokumen yang sah; manakala empat warganegara asing daripada 12 orang yang

ditahan dipercayai melakukan kesalahan di bawah Bab 15(1), Akta Imigresen, Penggal 17, iaitu tinggal lebih masa di NBD setelah Pas Imigresen mereka mansuh; sementara empat warganegara asing lagi dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 9(4), Peraturan Imigresen, Penggal 17, iaitu bekerja menggunakan Pas Lawatan.

JIPK amat mengalu-alukan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah Imigresen dengan menghubungi ke talian Hotline JIPK di talian +673 8734888 / +673 8753888 (BSB) / +673 8984111 (KB).



OPERASI Siaga 266 / 2024 yang dijalankan di kawasan Kampung Anggerek Desa (atas dan kanan).

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh



OPERASI Siaga 266 / 2024 yang dijalankan di kawasan Kampung Anggerek Desa (atas dan kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 4 Disember. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Buruh telah mengendalikan Operasi Siaga 266 / 2024 pada 26 November 2024 bertujuan untuk

menguatkuasakan dan memastikan Perintah Pekerjaan 2009 dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan yang telah dijalankan bagi kegiatan pendidikan swasta di kawasan Kampung Anggerek Desa telah

mendapati dua kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan 2009 yang dilakukan oleh majikan yang melibatkan lapan orang pekerja tempatan.

Kesalahan tersebut iaitu terkandung di bawah Bab 10, pekerja tidak disediakan kontrak perkhidmatan secara bertulis dan Bab 112(2), melanggar syarat-syarat Lesen Pekerja Asing di mana pekerja asing berjawatan sebagai guru didapati melakukan pekerjaan sebagai kerja-kerja pentadbiran.

Bagi kesalahan melanggar Perintah Pekerjaan 2009, jika didapati majikan boleh dikenakan kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi kesalahan tersebut. Jika gagal membayar kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebijakan pekerja selaras dengan kehendak Perintah Pekerjaan 2009 seperti majikan yang menggaji tempatan dan asing hendaklah menyediakan kontrak perkhidmatan secara bertulis

antara majikan dan pekerja dan majikan tidak menyalahgunakan Lesen Pekerja Asing iaitu menggaji pekerja asing hendaklah selaras dengan jawatan yang dibenarkan.

Untuk maklumat lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).

# ATLET PENCAK SILAT RAIH 3 PINGAT EMAS



**Berita dan Foto : Ihsan Sukan Persahabatan BIMP-EAGA Ke-11**

**FILIPINA**, Rabu, 4 Disember. - Kontinjen Negara Brunei Darussalam berjaya meraih tiga pingat emas dalam Acara Pencak Silat dan masing-masing satu gangsa dalam Acara Karate dan Olahraga pada Sukan Persahabatan BIMP-EAGA Ke-11, Tahun 2024 yang berlangsung di Puerto Princesa, Filipina.

Satu pingat emas tersebut telah diperoleh daripada Pasukan Lelaki melalui Regu Lelaki iaitu Awangku Muhd. Azhar Nasrullah bin

Pengiran Haji Yasrizam Ayub, Awang Muhd. Shafiq bin Sufri dan Awang Muhammad Hadi Arfan bin Haji Zulkifli.

Sementara satu lagi melalui Pasukan Regu Wanita terdiri daripada Dayang Nursyahindah binti Saiful Rizal, Dayang Nursyahirah Mawaddah binti Lufti dan Dayang Nursyafafana binti Saiful Rizal.

Pasukan Regu Lelaki telah mencatatkan sejumlah 9.940 mata sekali gus menewaskan Filipina 'A'

**PASUKAN** Regu Lelaki dan Pasukan Regu Wanita berjaya meraih pingat emas pada Acara Pencak Silat (kiri dan kanan).

yang berjaya mengumpul 9.915 mata. Pasukan Regu Wanita pula mengulangi kejayaan itu selepas mencatat mata 9.945 mata dan mengalahkan Filipina 'A' dengan 9.905 mata.

Kemudian pingat emas yang ketiga diraih oleh Dayang Nur Afifah Shaheqah binti Masli melalui Acara Tunggal Wanita Pencak Silat.

Atlet negara turut memperoleh pingat gangsa dalam Acara Karate menerusi Awang Muhd. Bazly bin Syukri yang menewaskan pemain Filipina 'D' iaitu Karl Lester L. Palatino dalam Kategori Individual Kata Lelaki.

Awang Muhd. Bazley mencatatkan jumlah 35.4 mata menewaskan lawannya yang mencatatkan mata 31.2 mata. Atlet olahraga negara turut menyumbang pingat gangsa menerusi Awang Kasyful Asymawi bin Haji Khairul Arifin dalam Acara 800 Meter Lelaki.



Awang Kasyful Asymawi telah mencatat masa 2:01.52 saat di belakang pemain Malaysia 'B' iaitu Erwin Grenggori yang memenangi emas dengan masa 1:58.78 saat dengan pemain Filipina 'E' iaitu Joel A. Jr. Dela Rosa meraih perak dengan 1:58.91 saat.

**DAYANG Nur Afifah Shaheqah binti Masli** melalui Acara Tunggal Wanita Pencak Silat turut memperoleh pingat emas.



## Bowling Day Game : Pupuk kerjasama dalam kalangan profesional kejuruteraan



**SUASANA** Kejohanan Persahabatan Bowling Day Game 2024 anjuran Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA) yang berlangsung di iBowl Utama, Batu Satu (atas dan bawah).

**Siaran Akhbar dan Foto : Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 4 Disember. – Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA) menganjurkan Kejohanan

Persahabatan Bowling Day Game 2024 yang diadakan baru-baru ini di iBowl Utama, Batu Satu, Jalan Tutong.



Acara berkenaan menyaksikan penyertaan 10 pasukan dinamik yang terdiri daripada PUJA Old Timers (Sr. Engineers & Architects), PUJA Engineers Division, PUJA Student Chapter Team #1, PUJA Student Chapter Team #2, PUJA Young Engineers, IET Brunei Network (The Institute of Engineering and Technology), IET BN Young Professional Section, IET On-Campus Student Group, Philippine Society of Mechanical Engineers - Brunei Chapter (PSME Brunei Chapter) dan Jurutera Perunding Primareka Sdn. Bhd.

Manakala seramai 40 pemain boling yang bersemangat daripada pelbagai latar belakang kejuruteraan juga turut menyertai kejohanan berkenaan.

Pengerusi Bahagian Jurutera, PUJA Brunei, Ir. Chin Lee Tuck dalam ucapan perasmianya, merakamkan penghargaan terima kasih atas sokongan tidak berbelah bagi pasukan

pengajar, mengiktiraf usaha mereka dalam mengatur acara yang memberi impak seperti berkenaan.

Beliau juga turut mengucapkan terima kasih kepada institusi yang mengambil bahagian, kerana acara seumpamanya menunjukkan bagaimana kejuruteraan menghubungkan dan menyatukan kita selain mewujudkan peluang untuk menyumbang secara kolektif kepada komuniti profesional dan masyarakat.

Kejohanan persahabatan berkenaan menyaksikan penyertaan daripada organisasi terkemuka, termasuk PUJA (Brunei), IET Brunei Network, PSME - Brunei Chapter dan lain-lain.

Pertandingan berkenaan mempamerkan kepelbagaiannya bakat jurutera, arkitek, pelajar dan profesional dari rantau ini, mewujudkan suasana menggembirakan yang dipenuhi

dengan kerja berpasukan, inovasi dan semangat kesukanan.

Acara berkenaan menekankan kepentingan kerjasama dan saling menghormati antara institusi kejuruteraan, menyerlahkan cara bekerjasama dalam memupuk hubungan yang lebih kukuh dan membuka jalan untuk perkongsian masa depan.

Kejohanan berkenaan juga membuktikan bahawa kejuruteraan bukan sahaja mengenai kepakaran teknikal tetapi juga tentang membina jambatan sama ada literal dan kiasan antara komuniti.

Kejohanan berkenaan merupakan satu kejayaan yang hebat, membawa bersama profesional industri, pelajar dan peminat untuk pengalaman boling yang mesra tetapi kompetitif.

Johan bagi Anugerah Berpasukan ialah IET Brunei Network, manakala naib johan disandang oleh PSME Brunei Chapter, sementara tempat ketiga diberikan kepada PUJA Old Timers. Manakala Best Spirited Team disandang oleh PUJA Student Chapter #1.

Bagi Anugerah Individu pula, Highest Game Award diberikan kepada Jevons Quiambao Penaflor; Most Energetic Bowler Award, Ir. Haji Mohamad Zin bin Haji Salleh; Best Young Engineer Male Bowler, Jevons Quiambao Penaflor; Best Young Engineer Female Bowler, Dayang Siti Nur Aminah binti Haji Mohd. Said; Best Student Chapter Male Bowler, Awang Muhd. Dzul Jalal Wal Ikram; Best Student Chapter Female Bowler, Dayang Maisarah binti Borhan; Best Engineer Male Bowler, Joel Barcena Necesito; Best Engineer Female Bowler, Dayang Nurul Amalina Ashikin binti Ali; Senior Category Champion, Dato Seri Paduka Ar. Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin; dan Senior Category 1st Runner Up, Ir. Awang Haji Amer Hishamuddin bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria.



ePaper Pelita Brunei



## PESTA PANTAI MUARA : MEMUPUK SEMANGAT KEKITAAN DALAM KALANGAN MASYARAKAT



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan Pesta Pantai Muara 2024 bertempat di Taman Rekreasi Pantai Muara (kiri dan kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 6 Disember. - Majlis Perundungan Mukim (MPM) Serasa dan MPM Mentiri dengan kerjasama Jabatan Daerah Brunei dan Muara (DBM) mengadakan Pesta Pantai Muara 2024 selama tiga hari bermula hari ini hingga 8 Disember 2024, bertempat di Taman Rekreasi Pantai Muara.

Sehubungan dengan itu, hadir selaku tetamu kehormat majlis dan

seterusnya merasmikan pesta pantai berkenaan, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, yang juga selaku Penghulu Mukim Lumapas.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha, Doa Selamat dan disusuli dengan Majlis Perasmian Pesta Pantai berkenaan.

Pada majlis berkenaan, Yang Berhormat dibawa ke tapak

memanah untuk melakukan aktiviti memanah dan kemudian melawat ke tapak-tapak aktiviti yang diadakan serta kem-kem jualan.

Pesta Pantai Muara 2024 merupakan acara yang diadakan bagi mengumpulkan masyarakat kedua-dua mukim serta warga setempat berkumpul bersama keluarga dan juga orang ramai yang terdiri daripada pengunjung pelbagai peringkat lapisan umur untuk

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

menikmati serta mengikuti aktiviti-aktiviti luar yang menarik di sepanjang tiga hari ia diadakan.

Acara berkenaan antara lainnya bertujuan untuk melakukan riadah luar yang bersesuaian dengan mengadakan acara sukan ringan secara keluargaan, memupuk semangat kekitaan dalam kalangan

masyarakat, dan memberi peluang kepada komuniti daripada kedua-dua mukim untuk menjalankan aktiviti berniaga sekali gus mempromosikan Taman Rekreasi Pantai Muara sebagai kunjungan bersama keluarga semasa cuti persekolahan penghujung tahun.

## Lebih 80 sertai Kejohanan Menyumpit

**TEMBURONG**, Khamis, 5 Disember. - Lebih daripada 80 peserta menguji kemahiran mereka dalam Kejohanan Menyumpit bersempena Pesta Irau Tupeh Paday 2024 yang bermula hari ini hingga 8 Disember di Kompleks Sukan Temburong.

Kejohanan Menyumpit yang julung diadakan ini merupakan anjuran Kelab Sukan Sumpit Lun Tau (KSSLT). Kejohanan ini adalah merupakan salah satu acara yang dipertandingkan dalam perayaan Irau Tupeh Paday 2024 dan

menerima penyertaan dari dalam dan luar negara.

Beberapa kategori dipertandingkan iaitu Kejohanan Menyumpit 40 Kaki dan 60 Kaki bagi Lelaki dan Wanita, Menyumpit 40 Kaki bagi Warga Emas dan 40 Kaki Acara

Berita dan Foto :  
Ihsan Kelab Sukan Sumpit Lun Tau

Berpasangan (Suami dan Isteri).

Orang ramai adalah dijemput hadir dan penyertaan masih dibuka. Untuk keterangan lanjut bolehlah menghubungi setiausaha kejohanan menerusi talian +673 8829440 atau +673 8825031.

## Tahukah Awda

**M**AJLIS Pelancaran Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid, Negara Brunei Darussalam, telah diadakan pada Khamis, 17 Sya'ban 1436H/4 Jun 2015, bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas yang disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri. Antara dasar/tujuan penubuhan ialah untuk memberi peluang kepada orang ramai di negara ini khasnya umat Islam untuk sama-sama bertanam saham serta dapat turut menikmati manfaat akhirat yang sangat-sangat dihajati.

SUMBER : [www.kheu.gov.bn](http://www.kheu.gov.bn)



ANTARA peserta yang menyertai Kejohanan Menyumpit bersempena Pesta Irau Tupeh Paday 2024.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

MENJAGA, MEMULIAKAN DAN MEMAKMURKAN MASJID